

## **Bab Ketiga**

### **Perkembangan Majalah Dan *Majalah al-Islah***

#### **1. Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan mengenai sejarah penerbitan akhbar dan majalah serta *Majalah al-Islah*. Bahagian awal akan dibincangkan lanjut mengenai perkembangan akhbar dan majalah di Malaysia. Di mana jika kita mengkaji sejarah penerbitan akhbar dan majalah di Tanah Melayu, sebenarnya kita tidak boleh lari dari membicarakan perkembangannya yang mula berkembang pesat sebelum Perang Dunia Kedua lagi.

Bab ini amat penting untuk dikaji bagi melihat perjalanan dan rentetan karenanya perkembangannya yang mengalami pasang surut mengikut rentak peristiwa yang dilingkunginya. Ini kerana kebanyakan kehadiran akhbar dan majalah di pasaran adalah amat bergantung kepada permintaan semasa bagi memenuhi keperluan minda dan ekonomi masyarakat. Di samping itu, ia juga merupakan suatu kaedah yang amat mudah dalam menyebarkan maklumat ke setiap pelusuk masyarakat. Melalui perkembangan itu juga ia akan memudahkan pengkaji untuk mengetahui sebab dan akibat dari terbitnya *Majalah al-Islah* yang akan kita bincangkan di dalam sub topik seterusnya.

Untuk memudahkan lakaran perkembangan majalah dan islah, maka bab ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu sejarah perkembangan akhbar dan majalah, dan perkembangan *Majalah al-Islah* secara terperinci. Pertama, kita akan membincangkan perkembangan akhbar dan majalah yang boleh dipecahkan kepada beberapa skop kecil melibatkan perkembangan majalah di Tanah Melayu secara umumnya dan kemudian menyentuh secara ringkas mengenai Pulau Pinang dalam keterlibatannya menerbitkan majalah terutamanya *Majalah al-Islah* serta peranan

majalah dalam pergerakan islah di Malaysia amnya, Pulau Pinang khususnya. Manakala bahagian kedua akan dibincangkan lanjut mengenai *Majalah al-Islah* itu sendiri.

## 2. Akhbar Dan Majalah

Sebelum kita membincangkan dengan lebih lanjut mengenai perkembangan akhbar dan majalah, suka untuk pengkaji memberikan pengertian awal apakah yang dimaksudkan dengan akhbar dan majalah serta peranannya kepada masyarakat setempat. Akhbar berasal dari kata dasar *khabar* yang merujuk kepada berita dan warta.<sup>211</sup> Ia secara umumnya dikenali sebagai media cetak yang penuh berisi berita-berita tempatan dan luar negara. Kebanyakan akhbar diterbitkan pada setiap hari dan ada juga yang diterbitkan seminggu sekali, dua kali seminggu dan tidak kurang juga ada akhbar yang bersaiz besar diterbitkan dua atau tiga edisi setiap hari bergantung kepada penerbit yang menerbitkannya. Dengan ukuran 22" x 16"<sup>212</sup> akhbar harian dikatakan lebih mengutamakan bahan-bahan dan laporan berbentuk berita.<sup>213</sup>

Menurut Khoo Kay Kim (1984), bagi sejarah kontemporari terdapat dua jenis sumber dapat digunakan dalam pengkajian sejarah iaitu sumber bertulis dan lisan. Yang mana sumber bertulis itu merujuk kepada akhbar, kesusastraan dan pelbagai jenis majalah. Di mana menurutnya, "*akhbar-akhbar di negara ini memperlihatkan satu keistimewaan: ia memberi gambaran tentang satu-satu "dunia" yang tertentu, iaitu bergantung kepada media bahasanya. Maka akhbar Melayu hampir menghadkan perhatiannya kepada "dunia Melayu", begitu juga akhbar Cina kepada "dunia Cina" dan sebagainya*".<sup>214</sup>

<sup>211</sup>Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 24.

<sup>212</sup>Pengertian umum seperti ini mungkin berdasarkan hakikat bahawa kebanyakan akhbar popular terbit dengan bentuk dan corak demikian. Tetapi pada hari ini akhbar tidak mestilah terbit dengan bentuk dan corak yang popular itu.

<sup>213</sup>Mustaffa Suhaimi (1986), *Jurnalisme Akhbar*, Kuala Lumpur: Progressive Product Supply, h. 13.

<sup>214</sup>Khoo Kay Kim (1984), *Majalah Dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: UM., h. 5.

Manakala majalah pula merujuk kepada sebuah penerbitan berkala, sama ada dwi-mingguan, bulanan, dwi-bulanan, dwi-tahunan dan sebagainya yang berisi bermacam-macam rencana dengan subjek yang pelbagai. Majalah biasanya memiliki artikel mengenai topik popular yang ditujukan kepada masyarakat umum dan ditulis dengan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Pada kebiasaannya, majalah dicetak berwarna dan menggunakan kertas yang lebih bermutu. Majalah secara umumnya boleh didapati di toko-toko buku, gerai majalah, pusat beli-belah, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan sebagainya.<sup>215</sup> Selain itu, majalah juga boleh difahami sebagai bahan bercetak yang diterbitkan mengikut jangka masa tertentu (priodikal) yang di dalamnya mengandungi pelbagai bahan tulisan, grafik, iklan, editorial dan kulit (cover).<sup>216</sup>

Majalah juga membawa maksud “*is a publication with a paper which regularly, usually every week or every month, and which contains articles, stories, photograph and advertisement*” (adalah penerbitan berkala, biasanya diterbitkan setiap minggu atau setiap bulan yang padat dengan artikel, cerita, imej dan iklan di dalamnya).<sup>217</sup> Ia juga turut diterjemahkan sebagai kertas besar yang mempunyai kulit, mengandungi jalan cerita, gambar dan lain-lain serta pelbagai isu yang biasanya dikeluarkan setiap minggu atau setiap bulan.<sup>218</sup> Selain itu majalah juga dikenali dengan nama *almacen*<sup>219</sup> dalam bahasa Sepanyol, *magazzino* dalam bahasa Itali, *makāzin* dalam bahasa Arab dan *magazine* dalam bahasa Perancis.<sup>220</sup>

<sup>215</sup>Pengertian majalah, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Majalah>, diakses pada 7 Februari 2009.

<sup>216</sup>Hamedi Mohd Adnan (1998), ”Majalah-Majalah Agama Sebelum Perang Dan Ekonomi Penerbitannya” dalam *Pengajian Sastera Dan Sosio Budaya Melayu: Memasuki Alaf Baru*, Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan (ed.), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 140.

<sup>217</sup>\_\_\_\_\_ (2006), *Collins Cobuild Advanced Learner's English Dictionary* (fifth edition). Harpercollins Publishers, h. 865.

<sup>218</sup>As Hornby (1995), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (fifth edition), Jonathan Crowther (ed.), Oxford University Press, h. 705.

<sup>219</sup>Lihat \_\_\_\_\_ (t.t.), *Cassell's Spanish-English English –Spanish Dictionary*. Edgar Allison Peers et.al., (ed.), Cassel London, h. 50.

<sup>220</sup>\_\_\_\_\_ (1996), *The Oxford English Reference Dictionary*, Judy Pearsall & Bill Trumble (ed.), New York: Oxford University Press, h. 864.

Mengikut sejarah, majalah mula diperkenalkan di Perancis pada abad ke-17. Mereka menggunakan istilah *magazine* merujuk kepada majalah yang bererti *stone house*. Manakala William L. Rivers pula memberikan suatu ciri khusus kepada majalah berbeza dengan bahan bercetak yang lain. Menurutnya apa yang membezakan majalah dengan bahan bacaan yang lain ialah melalui tulisannya yang berbentuk rencana, skripnya yang berbentuk drama dan sajak. Sungguhpun begitu, suatu ketika dahulu akhbar juga telah dirujuk sebagai *magazine* memandangkan format dari segi penulisannya yang mirip kepada penerbitan majalah.<sup>221</sup>

Namun kini, akhbar dan majalah mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam kaedah mengkomesilkannya. Jika akhbar dahulu boleh disamaartikan dengan majalah, kini ia tidak lagi bergerak seiring. Akhbar lebih padat dengan berita-berita dan tragedi yang bersifat semasa berbanding majalah lebih banyak memfokuskan kepada perkara-perkara yang bersifat statik (walaupun ada yang bersifat semasa) cuma menggunakan kepelbagaiannya di dalam kaedah penyampaian yang lebih menarik dan agak santai untuk menarik minat para pembaca.

Di samping itu, majalah juga lebih bersifat komersil dengan dipenuhi koleksi gambar-gambar berwarna dengan kertasnya yang lebih bermutu berbanding akhbar yang ada kala kertasnya agak lusuh dan kekuningan. Begitu juga, walaupun kita akui bahawa akhbar dan majalah suatu ketika dahulu boleh didefinisikan sebagai bahan bercetak dengan menggunakan saiz yang tertentu, namun apabila dunia mengalami revolusi teknologi, akhbar dan majalah juga turut mengalami perubahan dalam perkembangannya. Ia bukan sekadar didapati dalam bentuk bercetak, malah kini ia juga boleh diperolehi dalam media elektronik, berita-berita online seperti Harian Metro,

---

<sup>221</sup>William L. Rivers (1983), *Magazine Editing in the 80's*, California: Wardsworth Publishing Company, h. 5.

Utusan online, Berita Harian online dan sebagainya. Sungguhpun begitu, perlu diketahui bahawa di dalam kajian ini pengkaji menganggap bahawa akhbar dan majalah di awal 70-an masih mempunyai format yang hampir sama. Jadi tidak menjadi masalah sekiranya pengkaji menggunakan beberapa istilah seperti persuratkhabaran, atau akhbar dan majalah bagi menggambarkan aktiviti penulisan pada ketika itu.

Sebagai salah satu sumber dalam pengkajian sejarah, akhbar dan majalah memainkan peranan yang penting dalam menggambarkan kepada kita mengenai sesuatu masyarakat dan keadaan zaman lampau, terutama sekali apabila sumber-sumber rasmi yang lain tidak berupaya menjelaskan sesuatu situasi itu.<sup>222</sup> Kemunculan akhbar dan majalah pada ketika itu telah memberi sumbangan yang amat penting dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu. Akhbar dan majalah bukan sekadar menyiaran perbahasan berhubung isu-isu agama, sosial, ekonomi dan politik semasa yang berkaitan dengan orang Melayu,<sup>223</sup> malah lebih dari itu memberikan pendidikan yang berguna kepada minda Melayu.

Bagi A. M. Thani (1985), penerbitan akhbar dan majalah menjadi bukti tentang kesedaran masyarakat Melayu khususnya golongan reformis untuk memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh dalam menyebarkan idea-idea yang lebih progresif terhadap bangsanya dalam pelbagai lapangan.<sup>224</sup> Begitu juga Pendeta Za'ba pernah menyatakan bahawa majalah dan akhbar mempunyai pengaruh tersendiri terhadap kehidupan masyarakatnya. Ianya bukan sahaja sebuah penerbitan berkala yang dijadikan salah satu alat pembelajaran dan memberi berita-berita dari dalam dan luar negeri, bahkan juga bertujuan untuk meniupkan semangat kebangsaan ke dalam dada orang-orang Melayu.

<sup>222</sup>Mohd Sarim Haji Mustajab (1988), "Akhbar Dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan Dan Peranannya Dalam Perkembangan Masyarakat", Seminar Akhbar dan Majalah (25-26 Jan 1988; Bangi); Paper 5, h. 1.

<sup>223</sup>Fauziah Shaffie & Ruslan Zainuddin (2000), *Sejarah Malaysia*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 335.

<sup>224</sup>A. M. Thani (1985), "Penulis-Penulis Melayu Pulau Pinang Dalam Suatu Kehidupan Sastera" dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Warisan Sastera Pulau Pinang*, GAPENA, Akaedemi Pengajian Melayu, UM, h. 4.

Menurut Azmah Abdul Manaf (2005),<sup>225</sup> kehadiran media cetak seumpama surat khabar dan majalah memainkan peranan penting dalam sesuatu masyarakat. Ia bukan sahaja sebagai alat untuk menyampaikan maklumat atau melaporkan berita-berita tentang sesuatu kejadian, tetapi ia juga penting dalam proses mencetus dan seterusnya memupuk kesedaran sosial dan politik di kalangan para pembacanya. Melalui paparan peristiwa yang berlaku, pendapat dan permasalahan yang dibentangkan sedikit sebanyak mampu menjentik hati dan minda masyarakat dalam merasai dan memikirkan perkara yang sama.

Menurut Khoo Kay Kim (1984), melalui akhbar dan majalah satu dialog dapat diadakan sekurang-kurangnya di kalangan mereka yang lebih vokal dan juga lebih tajam pemerhatiannya tentang perkembangan-perkembangan yang secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat Melayu.<sup>226</sup> Di samping itu, majalah dan akhbar yang diterbitkan dari semasa ke semasa juga memperkenalkan masyarakat Melayu kepada penuntut atau ahli sejarah.

*"Majalah dan akhbar tempatan di samping memberi perhatian kepada berita dan perkara yang bersabit dengan Tanah Melayu keseluruhannya juga memberi fokus kepada perkembangan-perkembangan di satu-satu negeri yang bersabit".<sup>227</sup>*

*"...majalah Melayu bukan hanya satu sumber sejarah yang sepatutnya ditatap dan dikupas isi kandungannya untuk membolehkan usaha menggalurkan dan meneliti pengaliran pemikiran orang Melayu bahkan kecenderungan orang Melayu untuk menghasilkan majalah dan akhbar merupakan satu fenomena yang sangat menarik dan harus diselidiki oleh ahli sejarah, juga sebagai satu tema sosiologi".<sup>228</sup>*

Justeru itu, dapat kita fahami bahawa akhbar dan majalah itu mempunyai fungsi yang hampir sama ketika di awal penerbitannya. Walaupun akhbar lebih kerap

<sup>225</sup> Azmah Abdul Manaf (2005), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd., h 312.

<sup>226</sup> Khoo Kay Kim (1984), *op.cit.*, h. 8.

<sup>227</sup> *Ibid.*, h. 12.

<sup>228</sup> *Ibid.*, h. 16.

diterbitkan berbanding majalah, namun kedua-duanya membincangkan mengenai hal yang sama. Namun dewasa ini, kelihatan akhbar dan majalah itu mempunyai fungsinya yang tersendiri. Di mana akhbar lebih terarah mencatatkan berita-berita dan sifatnya yang lebih serius berbanding majalah yang lebih bersifat komersil. Dan tidak dinafikan juga bahawa akhbar dan majalah memainkan peranan yang penting sebagai salah satu media utama dalam proses komunikasi untuk membina sesebuah masyarakat yang berpengetahuan luas.

Dan kita akui bahawa dasawarsa ini akhbar dan majalah itu merupakan alat yang amat penting sebagai sumber primer dalam membongkar dan meneliti perjalanan sesebuah masyarakat yang terkemudian. Kehadiran akhbar dan majalah adalah bukti bahawa masyarakat dahulu telah berkembang dan sebagai langkah awal dalam dunia penerbitan di Tanah Melayu. Menurut pengkaji, tidak ada catatan sebaik akhbar dan majalah yang dapat mencatatkan rentetan sejarah dengan baik berbanding buku-buku sejarah yang lain. Ini kerana, pengkaji berpendapat bahawa akhbar dan majalah itu tidak ubah seperti piring hitam yang dapat merakamkan segenap peristiwa tanpa adanya suntingan dari para penerbit terhadap sesuatu tragedi yang menimpa. Ia adalah sumber yang hakiki tanpa perlu kepada tokok tambah. Jika "hitam" peristiwa tersebut, maka "hitamlah" juga sejarah yang perlu ditulis di dalamnya.

### **3. Perkembangan Permajalah Melayu.**

Sub topik seterusnya ialah mengenai sejarah perkembangan akhbar dan majalah di Alam Melayu. Memandangkan rentetan perkembangan ini agak panjang untuk diuraikan, maka pengkaji berhasrat untuk membahagikan kepada beberapa bahagian bagi memudahkan untuk pengkaji menganalisis data yang dikehendaki dan seterusnya menjawab kepada objektif kajian yang pertama seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji di atas tadi.

Walaupun telah banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai sejarah perkembangan akhbar dan majalah seperti tidak asing lagi, Prof. Madya Dr. Hamedi Mohd Adnan di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; Mohd Sarim Haji Mustajab, A. M. Thani yang pernah menulis mengenai perkembangan penulisan sastera di Pulau Pinang, A. M. Iskandar, Ismat Adam dan sebagainya, namun pengkaji perlu membincangkan bahagian ini bagi menjawab soalan kajian dan memandangkan kajian ini berkaitan dengan majalah, maka pengkaji perlu mengkaji terlebih dahulu sejarah perkembangan akhbar dan majalah sebelum memberi fokus kepada *Majalah al-Islah* itu sendiri. Selain itu, melalui aktiviti penerbitan ini juga secara tidak langsung dapat melihat kesinambungan di antara perkembangan akhbar dan majalah dengan aktiviti pergerakan islah di Malaysia. Keserasian di antara kedua-duanya ini ada pada *al-Imām*, *Saudara*, *al-Ikhwān*, *Neraca* dan *Majalah al-Islah*.

Oleh itu, jika Drs. A. M. Iskandar Haji Ahmad lebih gemar mengkaji sejarah perkembangan akhbar dan majalah melalui kaedah kronologi tahun, maka pengkaji lebih berminat dengan kaedah pembahagian kepada beberapa dekad yang digunakan oleh Hamedi Mohd Adnan. Pengkaji lebih memihak kepada Hamedi Mohd Adnan

kerana kaedah yang digunakannya agak menarik dan mudah untuk difahami berbanding penggunaan kronologi tahun kerana kebanyakan akhbar dan majalah yang diterbitkan hanya mampu bertahan dalam beberapa tahun, malah ada yang lebih pendek jangka hayatnya hanya timbul dalam beberapa bulan sahaja di pasaran. Justeru itu, kaedah ini amat sukar untuk dicapai objektifnya kerana ia juga perlu kepada penghuraian yang panjang bagi melengkapkan kajian ini.

Berbeza melalui kaedah dekad, pembahagian ini lebih memudahkan pengkaji untuk membincangkan, mengelas dan mengetahui suasana yang berlaku pada dekad-dekad tersebut dan kesinambungan di antara aktiviti penerbitan berdasarkan peristiwa yang berlaku secara umum dan lebih mendatar. Maka kaedah ini menurut pengkaji lebih sesuai untuk melihat gambaran umum berbanding kronologi tahun yang memerlukan huraian agak terperinci, sedangkan di dalam bab kedua ini pengkaji hanya perlu membincangkan secara umum mengenai sejarah perkembangannya kerana apa yang akan kita fokuskan di sini ialah *Majalah al-Islah* dan idea-idea pembaharuan yang dicoretkan di dalam majalah tersebut. Oleh itu, cukup sekadar pengkaji mengetahui proses perjalanan akhbar dan majalah di Malaysia secara gambaran umum dan menjawab kepada objektif kajian.

Namun sebelum itu, suka untuk pengkaji mengulas sedikit mengenai perkembangan akhbar dan majalah di Pulau Pinang. Di mana selepas kemunculan *al-Imām* di Singapura, aktiviti penerbitan berkembang pula ke Pulau Pinang dengan terbitnya *al-Ikhwān* dan *Saudara* dengan ideologi yang sama membuktikan bahawa kedua-dua lokasi ini penyumbang utama dalam aktiviti percetakan di Tanah Melayu. Keadaan ini jelas dibuktikan berdasarkan petikan di bawah bahawa dasar undang-undang British yang lebih bersifat liberal di Negeri-negeri Selat telah menyuburkan lagi

aktiviti pemikiran di Singapura dan Pulau Pinang. Penyuburan pemikiran ini akhirnya telah diekspresikan di dalam bidang penulisan dan disebarluaskan melalui bahan-bahan bacaan seperti akhbar dan majalah.

*"Kita akui bahawa undang-undang British di Negeri-Negeri Selat itu adalah lebih liberal dari setengah undang-undang yang diamalkan dalam negeri-negeri Melayu. Justeru itu kita dapat pemikiran Islam yang progresif hidup subur di Singapura dan Pulau Pinang".*<sup>229</sup>

Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican (2008) juga mengakui penjelasan Yahaya Ismail bahawa Pulau Pinang sebagai bandar kegiatan penulisan dan percetakan awal negara. Kedudukan Singapura dan Pulau Pinang di bawah kuasa Negeri-negeri Selat yang maju dan pesat (sebuah bandar dagang kosmopolitan dan moden) serta agak bebas dari naungan raja-raja Melayu, menyebabkan aktiviti penyebaran maklumat melalui akhbar dan majalah berkembang dengan cepat bagi urusan pentadbiran pihak Inggeris.<sup>230</sup> Dengan ini, Pulau Pinang mendahului menerima pengaruh Barat dan secara langsung telah menerima kemasukan teknologi percetakan menyemarakkan lagi aktiviti berbentuk mass-media. Ini kerana semenjak kehadiran pihak penjajah, Pulau Pinang telah menjadi salah sebuah pelabuhan yang menjadi tumpuan kegiatan perdagangan dan perniagaan. Begitu juga halnya dalam kegiatan kesusasteraan.<sup>231</sup>

Tambah Jelani Harun dan Azmi Iskandar Merican lagi, terdapat beberapa faktor tambahan yang menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan Pulau Pinang. Setelah orang-orang Eropah menutup operasi dengan berpindah ke negara lain atau menjual alat-alat percetakan pada tahun 1880-an, usaha ini telah diambil alih oleh beberapa buah syarikat percetakan milik persendirian Cina, India, Jawi Peranakan/Jawi

<sup>229</sup>Yahaya Ismail (1978), *Masalah Melayu Pulau Pinang*, Dinamika Kreatif, h. 18.

<sup>230</sup>Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican (2008), "Pengarang Manusrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang", dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Cakerawala Penulisan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 23.

<sup>231</sup>Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Pulau Pinang Pusat Perkembangan Kesusasteraan Dahulu Dan Sekarang*, Universiti Sains Malaysia, h. 4.

Pekan dan juga pengusaha Melayu.<sup>232</sup> Malah keadaan ini juga turut mendorong penghijrahan para pengarang dan penerbit yang berpengalaman seperti Yunus bin Abdul Hamid untuk menyuburkan lagi aktiviti percetakan di Pulau Pinang. Tokoh-tokoh pengarang dan penerbit lain dari Sumatera seperti Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi dan Abdullah bin Nordin al-Rawi iaitu bapa kepada Tuan Haji Yusof Rawa turut berkunjung ke Pulau Pinang.<sup>233</sup> Antara syarikat percetakan awal beroperasi di Pulau Pinang terutamanya di Acheen Street, Dato' Keramat Road dan Jelutong Road termasuklah Criterion Press,<sup>234</sup> The Merchantile Press, C. A. Debab & Co, The United Press,<sup>235</sup> Persama Press, Jelutong Press<sup>236</sup> dan al-Huda Press. Dan melalui The United Press inilah lahirnya *Majalahal-Islah*. Yang mana seluruh bahan penerbitan ketika ini menggunakan Bahasa Melayu (dan Bahasa Arab) dengan menggunakan sistem tulisan Jawi.<sup>237</sup>

Kunjungan para penerbit dan pengarang yang berpengalaman ke Acheen Street atau kini dikenali sebagai Lebuh Aceh telah memperkenalkan Acheen Street sebagai sebuah lokasi penerbitan yang unggul di sekitar Pulau Pinang. Pemusatan para pengarang yang terkenal dengan pelbagai genre penulisan dan gagasan pemikiran termasuk para pengarang yang berpengalaman dari Sumatera, Singapura dan Timur Tengah serta kemudahan prasarana dan mobiliti kerja yang bermutu menyinarkan lagi nama Acheen Street. Tambahan pula pertambahan kadar celik huruf meningkatkan lagi permintaan terhadap bahan bacaan umum. Begitu juga di sekolah-sekolah dan pusat

<sup>232</sup>Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican (2008), *op.cit.*, h. 15.

<sup>233</sup>Ibid.,h. 23. Kedatangan orang-orang Indonesia dari Sumatera, Jawa dan sebagainya telah menjadi suatu rutin di negeri Pulau Pinang sebelum ketibaan Francis Light ke Pulau Pinang lagi.

<sup>234</sup>Syarikat percetakan yang dimiliki oleh Lim Seng Hui, beralamat No. 230, Birch Street, Pulau Pinang.Mencetak akbar *Chahaya Pulau Pinang*. Lihat lanjut Jelani Harun (2003), “Peranan Institusi Percetakan Di Pulau Pinang Dalam Perkembangan Kesusastraan Sebelum Perang Dunia Kedua”, dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.),*Pulau Pinang Pusat Perkembangan Kesusastraan Dahulu Dan Sekarang*, Universiti Sains Malaysia, h. 14.

<sup>235</sup>Ita merupakan syarikat percetakan milik Debab bin Haji Muhammad Salleh yang beroperasi di jalan Datuk Keramat Road, Pulau Pinang. Kemudian pada 1930-an, ia telah diambil alih oleh Haji Yusof ar-Rawi dan masih beroperasi hingga sekarang khususnya dalam mencetak buku-buku agama dan kesuasteraan penerbitan Syarikat Haji Abdullah bin Muhammad Noordin ar-Rawi di Acheen Street, Pulau Pinang. Melalui syarikat inilah majalah *al-Islah* diterbitkan.

<sup>236</sup>Syarikat percetakan milik Syeikh al-Hadi di Jelutong Road, Pulau Pinang.Mencetak majalah *al-Ikhwan*, *al-Hikmah* dan *Dewan Pergaulan*.

<sup>237</sup>Jelani Harun (2003), *op.cit.*, h. 13.

pengajian pondok, institusi percetakan memainkan peranan yang penting dalam mencetak kitab-kitab dan sebagai panduan buku teks di sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Menjangkau awal abad ke-20, institusi percetakan terus berkembang apabila Pulau Pinang dikenali antara pusat awal kemunculan pemikir-pemikir Kaum Muda yang progresif terhadap perjuangan islah islamiah di Tanah Melayu.<sup>238</sup> Kurangnya tekanan dari pihak penjajah dan ulama-ulama tradisi terhadap aktiviti islah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini membuktikan bahawa Pulau Pinang sebagai destinasi terbaik dalam mengembangkan ideologi islahnya. Tambahan pula, sebahagian besar pengarang yang menetap di Pulau Pinang sememangnya cenderung ke arah pemikiran Kaum Muda, termasuk Syeikh al-Hadi, Muhammad Yunus Abdul Hamid dan Abdul Rashid Talu. Keghairahan masyarakat Pulau Pinang dalam mendekatkan diri dengan idea-idea pembaharuan Kaum Muda telah membuka lembaran baru dalam penerbitan akhbar dan majalah.<sup>239</sup>

Sehingga pada tahun 1940-an dan selepas merdeka, aktiviti penerbitan akhbar dan majalah semakin berkembang. Begitu juga di dalam perkembangan aktiviti pembaharuan semakin menunjukkan kematangannya. Semenjak 1894 hingga 1941 Sohaimi Abdul Aziz menganggarkan lebih kurang 34 penerbitan berkala yang wujud di Pulau Pinang, berbeza dengan Siti Rodziyah Nyan (2009) yang menyatakan munculnya sebanyak 40 buah akhbar dan majalah<sup>240</sup> dalam jangka masa tersebut. Perbezaan ini mungkin berdasarkan anggaran sahaja yang dibuat oleh Sohaimi Abdul Aziz dan kelahiran akhbar serta majalah yang tenggelam timbul menyukarkan membuat

<sup>238</sup> Md. Salleh Md. Gaus (1984), *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

<sup>239</sup> Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican (2008), *op.cit*., h. 25.

<sup>240</sup>Siti Rodziyah Nyan (2009), *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. pengenalan.

perangkaan yang sebenar. Dari 34 itu, 11 daripadanya adalah akhbar manakala selebihnya berbentuk majalah.<sup>241</sup> Jika sebelum merdeka, idea-idea islah lebih bersifat menyedar dan membangun namun selepas merdeka pergerakan islah kelihatan semakin agresif dalam mengisi agenda-agenda kemerdekaan.

Sehingga pada awal 60-an hingga 70-an berlakunya kebangkitan semula Islam di Malaysia. Gerakan dakwah Islamiah bergerak begitu aktif dalam menggambarkan usahanya untuk menegakkan semula nilai dan amalan Islam, institusi Islam dan undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakatnya. Dengan tercetusnya Revolusi Iran telah menyemarakkan lagi api kebangkitan dunia Islam. Begitu juga dengan bidang persuratan, menurut Hamedи Mohd Adnan, tahun ini dunia permajalah menjadi semakin matang.

Selain Revolusi Iran, bahang kebangkitan juga disemarakkan lagi dengan sekembalinya sebilangan besar penuntut Malaysia dari Mesir yang ketika itu terdedah akan kebangkitan semangat jihad dan ijtihad di Timur Tengah. Sekembalinya mereka ke tanah air, ramai yang mula melibatkan diri dalam arena politik tanah air. Dengan perasaan dan bahang kebangkitan yang dirasai di Timur Tengah, penuntut Malaysia cuba memberikan sentuhan baru terhadap komponen parti politik yang selama ini ditadbir golongan konservatif.

Begitu juga di dalam dunia permajalah Melayu. Majalah-majalah agama mula mendapat tempat. Jika sebelumnya dilihat agak lesu namun pada tahun 60-an, golongan pemikir-pemikir Islam mula memainkan peranan dalam dunia permajalah Melayu dengan cuba menghidupkan kembali konsep kesedaran di dalam diri masyarakat

---

<sup>241</sup>Sohaimi Abdul Aziz (2003), *op.cit.*, h. 4.

Melayu. Keadaan ini menyaksikan kemuncak kepada perkembangan majalah agama dan ledakkan melawan unsur kemaksiatan yang bersarang dalam masyarakat Islam terutamanya masyarakat Melayu. Tambahan pula, pada tahun 60-an ini juga telah wujudnya persatuan-persatuan penulis di Pulau Pinang seperti Angkatan Sasterawan Utara Malaya (ASAS UTAMA) kemudian Persatuan Penulis dan Peminat Sastera Utara Seberang Perai atau Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) yang muncul lebih awal dari itu iaitu pada tahun 1934, menggalakan lagi perkembangan ini.

Dua puluh tujuh buah majalah agama yang diterbitkan pada dekad ini diterbitkan oleh pertubuhan atau persatuan yang muncul ekoran dua peristiwa penting itu. Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bergiat aktif dalam memberikan sentuhan baru terhadap corak kebangkitan gerakan islah di Malaysia. Ini diakui dengan keterlibatan beberapa buah pertubuhan, gerakan dan majlis agama turut menerbitkan majalah agama namun kebanyakannya lebih membawa kepada roh tradisional.

### 3.1 Dekad Pertama

Pada dekad pertama, dua buah majalah Melayu telah diterbitkan iaitu *Khizānah al-Ulūm*<sup>242</sup> (1904) dan *al-Imām*<sup>243</sup> (1906). Ini merupakan dua buah majalah pertama diterbitkan oleh masyarakat Melayu untuk kepentingan bangsa Melayu dan agama Islam. Masalah kemunduran dan kelayuan masyarakat Melayu mula diperkatakan dalam menjentik sanubari anak jati Melayu yang

<sup>242</sup>*Khizānah al-Ulūm* diterbitkan di Kuala Kangsar, Perak pada diterbitkan pada Ogos 1904 dalam bentuk bulanan. Antara pengarangnya ialah Syed Abdullah al-Atas Kuala Kangsar.

<sup>243</sup>*Al-Imām* merupakan majalah Jawi terawal di Semenanjung Tanah Melayu yang terkandung di dalamnya mengenai isu-isu pembaharuan di dalam hal-hal agama. Ia diterbitkan pada 22 Julai 1906-25 Disember 1908 di Singapura oleh Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin al-Azahari, Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi dan Haji Abbas bin Mohd Taha. Ia mula dicetak oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar sebelum diambil alih oleh al-Imām Printing Company Ltd. Mengandungi 32 halaman, berukuran 6.3 inci dan 8.6 inci ukuran panjang. Sehingga kini naskhah boleh didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara dan juga Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya (AP95 M2IM 1906-1908 di bahagian Malaysiana Journal).

merasakan diri mereka masih selamat di dalam kantung ibunya, yang merasa diri bagaikan tidak akan keluar dari rahim ibunya.

Sunggupun kedua-dua majalah ini berjaya menarik perhatian umum, namun kenyataan itu tidak membuktikan ianya sebagai majalah pertama berbahasa Melayu yang diterbitkan di Tanah Melayu. Ini kerana pada tahun 1821, terbitnya *Bustan 'Ariffin*,<sup>244</sup> sebuah majalah missionari telah diterbitkan oleh The Anglo Chinese Press, Melaka. Walaupun *Bustan 'Ariffin* sarat dengan hal-ehwal agama Kristian, namun fungsinya sebagai sebuah majalah tidak pernah diabaikan. Isinya sarat dengan rencana-rencana yang menyentuh soal Bahasa Melayu, astronomi, tumbuh-tumbuhan yang terdapat di negeri Melayu, keadaan alamnya serta suasana dan hal-hal lain yang lazimnya diperkatakan dalam sesebuah majalah.

Kemunculan majalah-majalah seperti *Bustan 'Ariffin* telah membuktikan kepada kita bahawa pada dekad ini, tradisi penerbitan telah dimonopoli oleh golongan paderi yang kurang mendapat ikutan dari bangsa Melayu. Malah dikatakan dari tahun 1820 hingga 1906, kebanyakan majalah yang terbit lazimnya hasil dari usaha pengikut Kristian. Umpamanya sekitar tahun 1820 hingga 1898, terdapat lima buah majalah bertulisan Jawi diterbitkan atas usaha golongan ini. Antaranya *Pengutip Segala Remah Pungutauan* (1852) yang merupakan hasil dari adaptasi dari sebuah majalah berbahasa Inggeris berjudul *The Malay Glamour*<sup>245</sup>, diikuti *Chermin Mata*<sup>246</sup> (1858-1859), *Sahabat*<sup>247</sup>

<sup>244</sup> Nama penuhnya *Pengutip Segala Remah Daripada Jenis-Jenis Hikayat dan Ilmu dan Kepandaian dan Warta dan Segalanya*. Disunting oleh Claudio Henry Thomsen dengan bantuan Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir yang terbit di dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, ianya tersebar luas di Negeri-Negeri Selat dan di pusat-pusat bandar yang terdapat di Tanah Melayu.

<sup>245</sup> Hamed Mohd Adnan (2003) menyatakan nama lain ialah *The Malay Gleaner* yang diterbitkan pada Mac 1858 di Singapura. Majalah ini disunting oleh B.P Keasberry.

<sup>246</sup> Majalah Kristian ini dicap batu dan dihiasi dengan ilustrasi yang berwarna-warni.

menyusul lama selepas itu pada April 1895-1906 oleh Methodist Mission dan disunting oleh seorang wanita bernama R.J. Denyes, ini diikuti setahun kemudiannya oleh *Pelajaran Skola Agama* yang tidak dapat dikenalpasti penerbit dan editornya (1896) dan dua tahun kemudiannya *Warta Melayu*<sup>248</sup> (1898) diterbitkan pula oleh American Mission Press dengan dua edisi iaitu edisi Jawi berbahasa Melayu dan edisi Rumi berbahasa Inggeris.<sup>249</sup>

Boleh dikatakan bahawa setiap keluaran majalah ini bertujuan menyediakan pengetahuan agama Kristian di kalangan masyarakat berbahasa Melayu di rantau ini. Kegiatan paderi-paderi Kristian dalam bidang penerbitan ini berdiri teguh mungkin disebabkan mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Malah dikatakan mereka inilah yang mula-mula sedar akan pentingnya penggunaan majalah sebagai alat penyebar berita dan propaganda agama. Dan akibat daripada kewujudan dan misi dakyah mereka itu, maka sedikit sebanyak telah menimbulkan kesedaran di kalangan golongan literat Melayu ketika itu untuk berusaha menerbitkan majalah mereka sendiri.

Seterusnya pada dekad ini juga menyaksikan keterlibatan golongan Jawi Peranakan. Antara akhbar dan majalah yang diterbitkan ialah seperti *Jawi Peranakan*<sup>250</sup> (1876), *Skola Melayu*<sup>251</sup> (1888), *Shamsul-Kamār*<sup>252</sup> (1877),

<sup>247</sup>Diterbitkan di Pulau Pinang pada 15 Feb 1939 oleh Mohd Tamim Sutan Deman. Ditulis dengan huruf Jawi. Ukuran lebar 10.8, panjang 15.5 inci. Mengandungi 44 halaman. Terbit tiga kali seminggu ( Isnin, Rabu dan Jumaat). Naskhah tersimpan di Universiti Malaya dan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>248</sup>Diterbitkan di Singapura pada 23 Mac 1898 oleh American Machine Press, Singapura. Ditulis dengan huruf Jawi dan dicetak sendiri oleh American Machine Press. Ukuran lebar 8.7 inci dan panjang 11.3 inci. Mengandungi 8 halaman bercetak yang tersimpan di Universiti Malaya.

<sup>249</sup>Lihat lanjut Hamedy Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 11.

<sup>250</sup>Diterbitkan di Singapura dalam tahun 1876 dibawah pimpinan Munsyi Mohd Said bin Dada Mohyiddin (1876-1888), kemudian digantikan oleh Munsyi Mohd Ali bin Ghulam al-Hindi. Ditulis dengan huruf Jawi (dicap dengan cap timah) oleh Matba' al-Saidi (percetakan Muhammad Said) di No. 431, Victoria Street (Kampung Gelam), Singapura. Ukuran lebar 11 inci, panjang 17.1 inci. Terbit setiap hari Isnin. Akhbar yang bercogangan "Tawakal itu sebaik-baik bekal" mengandungi empat halaman (10 Jan 1887). Berhenti terbit dalam tahun 1895. Naskhah tersimpan juga di Universiti Malaya. Lihat lanjut, Ahmat Adam (1994), *Sejarah Dan Bibliografi akhbar Dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 59.

<sup>251</sup>Diterbitkan di Singapura pada 1 Ogos 1888 dibawah pimpinan Munshi Muhammad Ali Ghulam al-Hindi. Dicetak dengan cap batu dalam huruf Jawi. Ukuran lebar 9 inci, panjang 13 inci. Mengandungi 10 halaman. Penerbitan akhbar ini adalah bertujuan bagi kegunaan bahan bacaan murid-murid sekolah Melayu di Kampung Gelam dan sekolah Melayu di Teluk Belanga. Isi surat khabar ini sangat menarik kerana pengarangnya cuba menanamkan semangat suka belajar. Ia banyak membicarakan mengenai hal pelajaran

*Bintang Timor*<sup>253</sup> (1894-1895) dan lain-lain yang dikendalikan oleh golongan Jawi Pekan atau Cina Pekan. Dengan ini boleh dikatakan bahawa sekitar 1896, kegiatan "Press Business" dimonopoli oleh golongan *non Malay*. Dan bagi memudahkan kajian ini lagi, pengkaji telah menyelitkan jadual penerbitan akbar dan majalah pada dekad ini dengan menyaksikan Singapura dan Pulau Pinang mendominasi pasaran ekonomi penerbitan majalah.

**Jadual 1 : Akhbar-Akhbar Melayu Pada Abad Ke-19**

Nama/Tajuk Akhbar/Majalah	Tahun Terbitan	Tahun Dihentikan	Negeri Diterbitkan
<i>Jawi Peranakan</i>	1876	1895	Singapura
<i>Peredaran Shamsul Wal Kamār</i>	1877	Tidak pasti	Singapura
<i>Nujūmu'l Fajār/Idaran Bintang</i>	1877	Tidak pasti	Singapura
<i>Sekola Melayu</i>	1888	1893	Singapura
<i>Peranakan</i>	1891	1891	Singapura
<i>Seri Perak</i>	1893	1895	Perak
<i>Bintang Timur</i>	1894	1895	Singapura
<i>Tanjung Penegeri</i>	1894	1895	Pulau Pinang
<i>Pemimpin Warta</i>	1895	1897	Pulau Pinang
<i>Jajahan Melayu</i>	1895	1897	Perak
<i>Warta Kerajaan Perak</i>	1897	1910	Perak

Sumber: Azmah Abdul Manaf (2005), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd.

**Jadual 2 : Akhbar Dan Majalah Bercorak Agama Pada Abad Ke-19.**

Nama/Tajuk Akhbar/Majalah	Tahun Terbitan	Tahun Dihentikan	Negeri Diterbitkan
<i>Bustan 'Arīffīn</i>	1821	1822	Melaka
<i>Taman Pungautawan</i>	1848	1851	Singapura
<i>Malay Gleaner (Pungutip Segala)</i>	1852	Tidak pasti	Singapura

Melayu yang lebih maju. Antara rencana yang pernah disiarkan oleh pengarangnya ialah dengan menggesa pihak Nazir Sekolah agar meluaskan penggunaan Bahasa Melayu dan mengelakkan penggunaan perkataan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Melayu. Beritanya banyak dikutip daripada akhbar-akhbar Melayu terbitan di Jawa seperti *Sinar Terang*, *Bintang Barat* dan *Hindia-Olanda*. Berita-berita daripada akhbar-akhbar seperti *Straits Times*, *China Express* dan *Sarawak Gazette* juga turut diambil. Namun pada pertengahan Disember 1890, akhbar ini menamatkan penerbitannya setelah kira-kira dua tahun empat bulan beredar di Singapura dan tempat-tempat lain di Semenanjung, Kepulauan Riau-Lingga dan Sarawak yang suatu ketika dahulu menjadi penggerak masyarakat Melayu-Muslim di Singapura dan kawasan sekitarnya. Naskhah ini tersimpan di Universiti Malaya. Lihat lanjut, Ahmat Adam (1994), *op.cit.*, h. 65.

<sup>252</sup>Diterbitkan di Singapura. *Peridaran Syamsul Kamar* terbit pada setiap hari Khamis, iaitu sama seperti *Jawi Peranakan*, tetapi dicap batu dalam tulisan Jawi. Pengarangnya ialah seorang bekas murid Keasberry dan Abdullah Munsyi yang membolehkan kita menduga bahawa ia mungkin seorang anak Melayu jati. Satu kritikan yang dilemparkan kepada pengarangnya ialah apabila bahasa yang digunakan dalam akhbar ini banyak sekali diselang-seli dengan perkataan-perkataan Inggeris dan Arab.

<sup>253</sup>Pada 2 Julai 1894, Jemaah Anak-anak Kristian Singapura yang majoriti di anggotai oleh kaum Cina Peranakan telah melancarkan akhbar harian ini. Akhbar yang mengandungi empat halaman ini disediakan untuk iklan yang pelbagai, yang menepati satu ciri yang terdapat pada surat khabar berbahasa Melayu di Jawa. Akhbar ini dicetak di percetakan Sin Yew Hean di 114, Amoy Street. Pemimpin redaksinya ialah Baba Tan Boon Chin. Akhbar ini dikatakan amat menarik kerana sifatnya yang benar-benar mencontohi akhbar Eropah. Ukuran lebar 12.2 inci dengan kepanjangannya 19.8 inci. Bertulisan Rumi yang mana tulisannya banyak dihasilkan oleh cendekiawan Cina Peranakan. Namun pada 2 Julai 1895 penerbitannya terpaksa diberhentikan setelah berlaku persaingan dengan akhbar Jawi Peranakan. Lihat lanjut, Ahmat Adam (1994), *op.cit.*, h. 71 -75.

<i>Remah Pungatawan)</i>			
<i>Cermin Mata</i>	1858	1859	Singapura
<i>Sahabat</i>	1895	1906	Singapura
<i>Pelajaran Sekola Agama</i>	1896	1896	Singapura
<i>Warta Melayu</i>	1898	Tidak pasti	Singapura

*Sumber: Azmah Abdul Manaf (2005), Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia, Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd.*

**Jadual 3 : Akhbar Dan Majalah Bercorak Agama Abad Ke-20**

Nama/Tajuk Akhbar/Majalah	Tahun Terbitan	Tahun Dihentikan	Negeri Diterbitkan
<i>Al-Imām</i>	1906	1908	Singapura
<i>Neracha</i>	1911	1915	Singapura
<i>Majalah al-Islām</i>	1912	Tidak pasti	Singapura
<i>Pengasuh</i>	1918	Tidak pasti	Kelantan
<i>Al-Rajā</i>	1925	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Al-Ikhwān</i>	1926	1931	Pulau Pinang
<i>Saudara</i>	1928	1934	Pulau Pinang
<i>Semangat Islam</i>	1929	1931	Pulau Pinang
<i>Puncha Pertikaian Ulama Islam</i>	1929	1930	Pulau Pinang
<i>Al-Johorīah</i>	1932	Tidak pasti	Johor Bahru
<i>Pedoman Islam</i>	1935	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Wiḥdātul Madāris</i>	1935	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Al-Islām</i>	1936	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Medan al-Islam</i>	1936	Tidak pasti	Singapura
<i>Chahaya Islam</i>	1937	Tidak pasti	Singapura
<i>Suara Islam se-Malaya</i>	1941	Tidak pasti	Perak
<i>Seruan Ihya'</i>	1941	1941	Perak

*Sumber: Azmah Abdul Manaf (2005), Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia, Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd.*

Berdasarkan jadual di atas, ini membuktikan bahawa sejarah perkembangan akhbar dan majalah di Tanah Melayu mula terbit di Singapura kemudian diikuti di tanah semenanjung dengan Pulau Pinang terbit sebagai gedung awal di dalam dunia penerbitan di Tanah Melayu, kemudian diikuti oleh Perak, Kelantan, Johor dan Melaka.

Bermula dengan *al-Imām* sebagai titik permulaan dalam penerbitan berkala berbentuk agama, ia telah menimbulkan minat para sasterawan yang

terkemudian untuk berusaha melahirkan sesuatu yang bernilai. Mereka bukan sahaja bertujuan demi melahirkan kepentingan seni sastera, kepentingan intelektualisme dan menggambarkan daya fikir semata-mata, tetapi juga bertujuan untuk mengadakan suatu komunikasi yang bererti antara masyarakat penulis dan pembacanya.<sup>254</sup> Hamedi Mohd Adnan (2003) menambah, kemunculan *al-Imām* ini telah memberi suatu perspektif baru dalam aktiviti penerbitan.<sup>255</sup>

### 3.2 Dekad Kedua

Memasuki dekad kedua pula memperlihatkan lima buah majalah telah diterbitkan dengan dua buah daripadanya adalah majalah agama, iaitu *Majalah al-Islām*<sup>256</sup> (30 Jan 1912), *Pengasuh* (11 Jul 1918) dan sebuah daripadanya, *Pertandaan Zaman*<sup>257</sup>(1912) merupakan majalah missionari.<sup>258</sup> Sungguhpun terdapat banyak majalah yang muncul pada ketika ini namun, penerbitan akhbar dan majalah menurut Hamedi Mohd Adnan masih lagi terlalu muda. Beliau menyatakan demikian dari dekad pertama lagi akhbar telah menjadi tulang belakang dan dunia pembacaan masih tertumpu di sekolah-sekolah terutamanya sekolah-sekolah Melayu. Ini dapat dilihat dengan kemunculan beberapa buah

---

<sup>254</sup>A. M. Thani (1985), *op.cit.*, h. 4.

<sup>255</sup>Hamedi Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h.11.

<sup>256</sup>Majalah ini merupakan terjemahan dari *majalah Islamic Review* yang terbit di London. Penterjemahnya bernama K.Anang dan S. Mohamad Al-Juneed dan tersebar ke Jawa Barat Indonesia yang diuruskan oleh Radin Goenawan. Diterbitkan di Singapura dalam tahun 1912 oleh Abdul Kadir bin Yunus. Pengarangnya bernama Khwadja Kamaludin. Dicetak oleh al-Ikhwan Press. Berukuran lebar 6.3 inci, panjang 8.8 inci serta mengandungi 32 halaman. Dikategorikan majalah bulanan. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>257</sup>Majalah ini diterbitkan oleh Jamaah Penyiaran Ugama Kristian. Diterbitkan di Singapura pada Jun 1925 oleh Malaysia Science Press Singapura. Ditulis dengan huruf Rumi (ejaan Indonesia). Dikategorikan sebagai majalah bulanan.

<sup>258</sup>Hamedi Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 11.

akhbar Melayu seperti *Lembaga Melayu*<sup>259</sup> (1 Ogos 1914), *Melayu Tribune* (1914) dan *Utusan Melayu*<sup>260</sup>(1907).

### 3.3 Dekad Ketiga

Perkembangan akhbar dan majalah pada dekad ini memperlihatkan suatu fenomena baru dalam dunia permajalahannya. Hasil kesedaran dan peningkatan kadar literasi yang tinggi di kalangan masyarakat Melayu telah menelurkan dunia permajalahannya. Peningkatan ini juga telah menjulang lagi majalah berbentuk agama dengan sembilan penerbitan yang berpusat di Singapura, Pulau Pinang dan Kota Bharu.

Berhubung negeri Pulau Pinang, dalam tahun 1920-an dan 1930-an, seperti yang dinyatakan pengkaji di dalam bab yang lalu, Jelani Harun, Azmi Iskandar Merican, A. M. Thani dan Yahaya Ismail sepakat menyatakan bahawa negeri ini (selain Singapura) menjadi pusat kegiatan penerbitan dan aktiviti-aktiviti reformisme Islam yang terawal di Tanah Melayu. Kebebasan yang diberikan oleh pihak penjajah terhadap aktiviti islah juga telah menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi terbaik dalam mengembangkan ideologi islahnya. Tambahan pula, sebahagian besar pengarang yang menetap di Pulau Pinang sememangnya cenderung ke arah pemikiran Kaum Muda, termasuk Syeikh al-Hadi, Muhammad Yunus Abdul Hamid dan Abdul Rashid Talu. Keghairahan masyarakat Pulau Pinang dalam mendekatkan diri dengan idea-idea

<sup>259</sup> *Lembaga Melayu* merupakan akhbar edisi Bahasa Melayu dari suratkhabar *Inggeris Tribune*. Dan akhbar ini merupakan suratkhabar harian Bahasa Melayu yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu, langsung diterbitkan sebagai harian. Akhbar ini diterbitkan di Singapura pada 1 Ogos 1914 oleh Malaya Tribune Press Ltd. Pengarangnya Mohd Yunos bin Abdullah (1 Ogos 1914-31 Dis 1931). Dicetak oleh Malaya Tribune Press Ltd dengan tulisan Jawi. Berukuran lebar 12.5 inci, panjang 21.3 inci. Mengandungi 4 halaman dan terbit sebagai akhbar harian. Penerbitannya diberhentikan pada 31 Dis 1931. Naskhah ini tersimpan di Universiti Malaya.

<sup>260</sup> Diterbitkan di Singapura pada 7 Nov 1907 oleh Singapura Free Press. Antara pengarangnya ialah Mohd Yunos Abdullah (1970-1909), Abdul Hamid Miskin (1909-1914), Mohd Ismail Abdul Kadir (1914-1918) dan Syed Sa'dullah Khan (1918-1921). Ditulis dengan tulisan Jawi dan Rumi yang dicetak oleh Singapore Free Press. Berukuran 13.7 inci, panjang 22.7 inci. Mengandungi 4 halaman dengan 2 ½ halaman huruf Jawi, 1 ¼ halaman bertulisan Rumi. Terbit mula-mula seminggu tiga kali: hari Selasa, Khamis dan Sabtu (7 Nov 1902 – 21 Sept 1915). Kemudian menjadi harian bermula pada 22 Sept 1915 dan diberhentikan penerbitannya pada tahun 1921. Naskhah tersimpan di Universiti Malaya manakala bentuk mikrofilem pula terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka.

pembaharuan Kaum Muda telah membuka lembaran baru dalam penerbitan akhbar dan majalah.

Di samping itu, pertumbuhan dan perkembangan pelajaran Melayu juga telah menelurkan pertumbuhan dan perkembangan persuratkhabar yang sungguh pesat. Beberapa buah majalah agama telah diterbitkan pada dekad ini seperti *Idaran Zaman* (1925 - 1930), *al-Ikhwān* (1926 - 1931), *Saudara* (1928 - 1941), *Dunia Melayu* (1928), *Bulanan Malaya* (1929), *Semangat Islam* (1929) dan banyak lagi.<sup>261</sup> Semua majalah agama ini mempunyai persamaan dari segi pendekatannya, iaitu dari segi kecenderungan untuk berkhutbah kepada pembaca tentang dosa dan pahala atau syurga dan neraka yang diselang-seli dengan tafsir al-Qur'an serta kisah-kisah Nabi. Begitulah kandungan majalah agama yang tipikal sejak kemunculan *al-Imām* lagi. Sesetengahnya diterbitkan oleh madrasah seperti Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang yang menerbitkan *ar-Rajā'*<sup>262</sup> (11 Mac 1925) dan Madrasah al-Atas, Johor Bahru yang menerbitkan *Jasa*<sup>263</sup> (29 Nov 1927) di samping orang perseorangan dan pencetak yang sekian lama mendominasi pasaran.<sup>264</sup>

Umumnya, pertumbuhan media cetak Melayu khasnya pada dekad ini bermula daripada percetakan secara kecil-kecilan yang dimiliki oleh keluarga berada ataupun milik perseorangan yang didorong atas sebab musabab tertentu.<sup>265</sup> Menurut Hamedи lagi, kemungkinan besar keterlibatan mereka ini kerana mereka adalah seorang ahli agama yang mempunyai fahaman tertentu

---

<sup>261</sup>A. M. Thani (1985), *op.cit.*, h. 3.

<sup>262</sup>Majalah ini merupakan suara Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang. Diterbitkan di Pulau Pinang pada 11 Mac 1925 oleh Madrasah ini. Ditulis dengan huruf Jawi. Berukuran 7.7 inci, panjang 9.9 inci. Mengandungi 28 halaman dan terbit sebagai majalah bulanan.

<sup>263</sup>Diterbitkan di Johor Bahru pada 29 Nov 1927 oleh cetakan al-Atas Press, Johor. Ditulis dengan huruf Jawi. Ukuran lebar 6.3 inci, panjang 8.6 inci. Terbit sebagai bulanan dan mengandungi 42 halaman.

<sup>264</sup>Mohd Hamedи Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 13.

<sup>265</sup>*Ibid.*

atau seseorang yang meminati bidang kesusasteraan atau pemilik kedai kitab yang berhasrat untuk mempunyai syarikat percetakan sendiri. Antara majalah umum yang pernah terbit ialah *al-Kitāb*<sup>266</sup> (14 Sept 1920) dan *al-Hidāyah*<sup>267</sup> (Jun 1923) dari Kelantan yang (nama majalah) menggambarkan seolah-olah majalah bercorak keagamaan, *Masa* (Jan 1924) dari Muar dan dua majalah dari Pulau Pinang, iaitu *Malaya* (Mei 1926) dan *Warta Penang* (Sept 1929).

### 3.4 Dekad Keempat

Dalam dekad keempat atau diakhir tahun 30-an dan awal 40-an, dunia permajalah menaiki semakin pesat. Hamedi menyatakan kepesatan itu berpunca dari bertambahnya kadar celik huruf di kalangan masyarakat Melayu di samping kecenderungan di kalangan hartawan Melayu menceburkan diri dalam bidang percetakan. Dengan memiliki syarikat percetakan sendiri, sedikit sebanyak telah memberi keyakinan kepada para pembaca untuk miliknya, akhirnya akan mengukuhkan dan memberi kekuatan sesebuah syarikat percetakan untuk bertapak di pasaran.

Ini dibuktikan dengan kehadiran sebanyak 68 buah majalah dan 31 buah akhbar diterbitkan. 68 buah majalah itu meliputi majalah agama,<sup>268</sup> pengetahuan umum,<sup>269</sup> majalah hiburan,<sup>270</sup> majalah khusus untuk wanita<sup>271</sup> dan tema kebangsaan.<sup>272</sup> Kehadiran pelbagai jenis majalah dan akhbar di pasaran

<sup>266</sup>Majalah jenis pengetahuan rampai-rampaian. Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada Sept 1920 dibawah pimpinan oleh Datuk Bentara Jaya (Sept 1920) dan Megat Othman. Ditulis dengan tulisan Jawi yang dicetak oleh Perchetakan Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Berukuran lebar 6.6 inci, panjang 9.5 inci. Mengandungi 44 halaman dan terbit sebulan sekali. Jangka hayatnya hanya beberapa bulan sahaja. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>267</sup>Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada Jun 1923. Antara pengarangnya Mohd Ghazali Mohd Arifin (Datuk Bentara Luar), Ahmad Ismail al-Kelantani, Mohd Adnan Mohd Arifin, Abdul Rahman Daud al Maki al-Kelantani, Hussain Haji Omar, Mohd Haji Sulong dan Datuk Mahmud. Ditulis dengan tulisan Jawi. Ukuran 6.2 inci, panjang 9.3 inci. Mengandungi 36 halaman. Terbit sebagai bulanan dan berhenti pada Feb 1926. Naskhah tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya.

<sup>268</sup>*Majalah Panduan* (Nov 1934), *Pedoman Islam* (19 Apr 1935), *Medan al-Islam* (14 Ogos 1936) dan *al-Ihsan* (5 Jul 1931).

<sup>269</sup>*Sinar Malaya* (Jul 1931), *Taman Bahagia* (Okt 1937) dan *Pemandangan* (1 Feb 1939).

<sup>270</sup>*Liputan Duka* (10 Ogos 1932), *Dunia Sekarang* (14 Jul 1934), *Penggeli Hati* (Sep 1936) dan *Warta Jnaka* (7 Sep 1936).

<sup>271</sup>*Bulan Melayu* (Jun 1930), *Dewan Perempuan* (1 Mei 1935) dan *Lidah Ibu* (1 Sep 1935).

<sup>272</sup>*Kemajuan Melayu* (Apr 1932), *Majalah Pemuda* (Nov 1935) dan *Siasat* (15 Okt 1939).

menjelaskan kepada pengkaji bahawa peranan akhbar dan majalah telah diperluaskan skop bidangnya sebelum ia kembali terencat apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua untuk sekurang-kurangnya empat tahun bermula dengan pendaratan tentera-tentera Jepun di Kota Bharu pada Disember 1941.

Keadaan ini turut memberikan kesan kepada majalah yang diterbitkan oleh persatuan atau orang perseorangan apabila tidak mendapat dukungan dari pihak pencetak. Meskipun kesemua majalah yang diterbitkan sebelum perang terpaksa diberhentikan, namun dalam jangka hayat ini terdapat lebih kurang 30 buah akhbar dan majalah yang masih berada di pasaran dengan Nippon sebagai kiblat dan subjek utama penerbitan majalah. Antara majalah yang diterbitkan ialah *Mustika* (Jun 1941), *Warta Jnaka* dan *Warta Ahad* yang dikhaskan untuk *Warta Malaya*, *Puspam*, *Cherita Kelantan*, *Majalah Romans* dan sebagainya.

Tidak dinafikan penurunan angka ini berpunca dari kesan Perang Dunia Kedua, namun tidak mustahil juga jika ada di antara akhbar dan majalah yang tidak dapat dikesan akibat dari kerosakan. Menurut Siti Rodziyah Nyan (2009), meskipun kebanyakan akhbar dan majalah Melayu pada ketika ini tidak panjang usianya, namun kewujudannya telah mencapai tahap kegemilangan dalam sejarah perkembangan persuaratkhabaran Melayu di Tanah Melayu. Kemerosotan dalam perangkaan berkemungkinan besar akhbar atau majalah tersebut telah hilang semasa tercetusnya Perang Dunia Kedua, kerosakan akibat cuaca Tanah Melayu yang tidak menentu dan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu untuk memelihara bahan-bahan tersebut. Tambah Siti Rodziyah Nyan lagi, keadaan ini bukan sesuatu yang menghairankan kerana kurangnya kesedaran mengenai peranan akhbar dan

majalah sebagai sumber sejarah. Pendaratan Jepun ke Tanah Melayu juga mendesak masyarakat Melayu menumpukan kepada keamanan negara berbanding menjaga kemusnahan akhbar dan majalah tersebut.<sup>273</sup>

Namun selepas era Jepun, perkembangan dimulakan dengan kemunculan 18 buah majalah agama hasil penyertaan dari pihak kerajaan khususnya Jabatan Agama Islam Negeri sebagai salah satu cara menyebarkan agama Islam. Meskipun Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sudah lama menerokai medium ini melalui *Pengasuh*, namun hanya tiga dekad kemudian barulah tampil pihak berkuasa negeri lain menuruti jejaknya, iaitu Jabatan Agama Johor menerusi *Warta Jabatan Agama Johor* (6 Nov 1949). Ini kemudiannya diikuti oleh Jabatan Agama Perak apabila menerbitkan *Seruan Majlis*<sup>274</sup> (Jan 1956).<sup>275</sup>

Menurut Hamedi Mohamad Adnan (2003), sepanjang tempoh itu terdapat 48 buah majalah diterbitkan di Semenanjung, dengan Kota Bharu dan Muar penyumbang terbesar masing-masing sebanyak sembilan buah majalah dan tujuh buah. Antara lain yang terbit di Kota Bharu ialah *Pengasuh* (Jul 1918), *al-Kitāb* (Sept 1920), *al-Hedāyah* (Jun 1923), *Mujallah al-Kamarīah*<sup>276</sup> (Jan 1930), *Kenchana*<sup>277</sup> (Apr 1930) dan *Majallah al-Riwāyāt*<sup>278</sup> (Nov 1938) yang

<sup>273</sup>Siti Rodziyah Nyan (2009), *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. pengenalan.

<sup>274</sup>Majalah ini digantikan dengan *al-Ridwan* (Sept 1978) yang hanya diterbitan dua kali sahaja sebelum terhenti. Pada 1982, *Suara Majlis* diterbitkan sehingga kini meskipun tidak tetap keluarannya.

<sup>275</sup>Hamedi Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 21.

<sup>276</sup>Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1 Jan 1930 oleh Matbaah al-Kamaliah. Pengarangnya Haji Noh bin Ali dan Omar bin Haji Taib. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicetak oleh Matbaah al-Kamaliah. Ukuran lebar 7.5 inci, panjang 9.9 inci dengan 28 halaman. Terbit sebanyak dua kali sebulan. Diberhentikan penerbitannya pada tahun 1941. Naskhah tersimpan di Universiti Malaya.

<sup>277</sup>Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada April 1930 oleh Siti Mariam Sa'di. Pengarangnya As'ad Haji Muda. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicetak oleh Matbaah al-Kamaliah Kota Bharu. Ukuran lebar 6.1 inci, panjang 8.9 inci. Mengandungi 28 halaman. Di awal penerbitan berbentuk bulanan kemudian terbit dua kali sebulan. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>278</sup>Diterbitkan di Kota Bharu pada 1 Nov 1938 oleh al-Ma'ruf Press Kota Bharu. Ditulis huruf Jawi dengan kekerapan dua kali sebulan.

terbit di Kota Bharu manakala *Tarok*<sup>279</sup> pula diterbitkan di Pasir Puteh. Selain itu, terdapat juga sebuah akhbar diterbitkan iaitu *Putera*<sup>280</sup> (Okt 1929) dan mungkin sebuah majalah yang tidak dapat disahkan, *Cetera Kelantan*<sup>281</sup> (1941).

Penerbitan majalah agama pada dekad ini juga turut disumbangkan oleh penerbit-penerbit swasta. Walaupun diketahui bahawa lazimnya penerbitannya tidak menguntungkan dan hanya bergantung pada ihsan penerbitnya untuk terus berada di pasaran, namun mereka tetap gigih melibatkan diri dalam arena penerbitan. Contohnya dekad ini lahirnya *Kesatuan Islam*<sup>282</sup> (13 Dis 1945), *Qalām*<sup>283</sup> (Jul 1950) dan *Majalah Kehidupan* (16 Mei 1956) oleh Madrasah Il-Ihya (1 Feb 1947) dan *Risālah*<sup>284</sup> (Jun-Jul 1954).

Keadaan ini sebenarnya membuktikan bahawa sekitar tahun 1920 hingga 1940, turut disumbangkan oleh kemajuan pemikiran umat Islam di Tanah Melayu. Keterlibatan mereka dalam menerbitkan majalah agama menerusi institusi-institusi pendidikan agama dan persatuan agama dilihat saling memerlukan di antara satu sama lain. Ini kerana akhbar dan majalah menjadi medium kepada golongan ini menyalurkan idea islah mereka. Antara majalah yang terbit melalui peranan institusi pendidikan agama dan persatuan ini ialah

<sup>279</sup>Dalam Tarikh Suratkhabar hal. 157 -158, menyebut bahawa perkataan *Tarok* itu dari bahasa orang Darat Kelantan yang bererti alat pembawa (semacam beg) dibuat dari upih dan cara membawanya disangkutkan pada kedua bahu belakang. Majalah ini menjadi suara kepada Persekutuan New Club, Pasir Putih. Diterbitkan di Pasir Putih, Kelantan pada 15 Mac 1927 oleh Ahli-Ahli Persekutuan Club Pasir Putih. Pengarangnya, Tunku Ismail (15 Mac 1927). Ditulis dengan huruf Jawi. Terbit sebagai bulanan.

<sup>280</sup>Majalah ini menjadi suara Putera Kelab Kota Bharu. Hidup hanya beberapa bulan sahaja. Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 1 Okt 1929 oleh Putera Kelab Kota Bharu. Ditulis dengan huruf Jawi dan dicetak oleh Matbaah al-Kamaliah Kota Bharu. Terbit dua kali sebulan.

<sup>281</sup>Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan. Tarikh penerbitannya tidak dapat diketahui mungkin pada tahun 1941. Ditulis dengan huruf Jawi. Terbit sebagai bulanan. Datuk Haji Nik Ahmad (Menteri Besar Kelantan) menjadi pengasas kepada majalah ini.

<sup>282</sup>Majalah berdasarkan keugamaan. Diterbitkan di Singapura pada Jan 1946 (lihat Drs. A.M. Iskandar Hj Ahmad, 1973) oleh Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff. Bertulisan Jawi dengan ukuran lebar 7.3 inci, panjang 10 inci. Mengandungi 36 halaman. Terbit sebagai mingguan. Diberhentikan penerbitannya pada April 1946. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>283</sup>Majalah berdasarkan keugamaan, bahasa, alam pengetahuan dan politik. Di awal penerbitan di Singapura kemudian berpindah ke Petaling Jaya. Diterbitkan di Singapura pada Julai 1950 oleh Qalam Press Singapura. Bertulisan Jawi dengan ukuran lebar 7.5 inci, panjang 10.4 inci. Terbit sebagai majalah bulanan yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>284</sup>Majalah ini berdasarkan pendidikan agama dan juga menjadi suara Madrasah al-Ulum. Diterbitkan di Batu 20, Bagan Datuk, Perak pada Jun 1954 oleh Madrasah al-Ulum di bawah pimpinan Ahmad Ramly Omar. Bertulisan Jawi. Dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang. Berukuran lebar 7.5 inci, panjang 10.4 inci. Mengandungi 32 halaman yang terbit sebagai penggalan. Naskhah ini tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Majalah al-Rāja* (1925) oleh Madrasah al-Masyhur,<sup>285</sup> Pulau Pinang; *Seruan Ihya'* (1941), Madrasah al-Ihya as-Syarif,<sup>286</sup> Gunung Semanggol, Perak; *Temasek*<sup>287</sup>(1930), Madrasah al-Juneid, Singapura; *Bintang Malaya*<sup>288</sup> (1934-1941) oleh Kuliah al-Firdaus, Singapura.

Atas kesedaran tentang pentingnya bahan bacaan, guru-guru turut sama memainkan peranan dalam perkembangan ini. Kepekaan mereka dengan permasalahan masyarakat Melayu dan ketajaman pena yang ditunjukkan dalam melontarkan dan mengupas permasalahan bangsa Melayu ketika itu memberi sinar baru dalam dunia penerbitan. Ini jelas dibuktikan pada tahun 1935, *Wihdātu'l- Madāris*<sup>289</sup> diterbitkan oleh gabungan guru-guru Madrasah Utara Tanah Melayu. Begitu juga dengan Pertubuhan Agama tidak ketinggalan menerbitkan *Lidah Teruna*<sup>290</sup> (1920-1921) di bawah naungan Persekutuan Perbahasan Orang Islam, Pertubuhan al-Islam di Pulau Pinang dengan *al-Islām*<sup>291</sup>(1936), al-Jamaah al-Islamiyyah di Johor dengan *al-Johorīah*<sup>292</sup> (1932) dan lain-lain. Selain itu terdapat juga majalah agama berbahasa Inggeris seperti

<sup>285</sup>Madrasah ini mengambil sempena nama Sayid al-Masyhor seorang tua yang sangat disegani oleh masyarakat Pulau Pinang pada masa itu yang tinggal di Jelutong. Madrasah ini diasaskan oleh Sayid Syeikh al-Hadi pada tahun 1919. Lihat Rahim Osman, *Madrasah Masyhor al-Islamiyyah*, Persatuan Sejarah Malaysia.

<sup>286</sup>Maahad II Ihya As-Syarif, Gunung Semanggol, Perak ditubuhkan pada tahun 1934. Merupakan sebuah madrasah moden yang memberikan pendidikan agama secara formal kepada para pelajar dan juga masyarakat Islam. Peranan dan sumbangannya amat penting dalam pendidikan Islam sama ada dahulu maupun sekarang. Madrasah ini mempunyai hubungan yang erat dalam masyarakat di daerah Kerian, Larut Matang dan Selama ataupun utara Tanah Melayu. Mudir madrasah tersebut ialah Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Beliau merupakan seorang tokoh terbilang yang dihormati kawan dan lawan. Ketokohan beliau terserlah dalam bidang agama dan juga politik Tanah Melayu. Maahad ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh politik Tanah Melayu sama ada dalam PAS maupun UMNO. Keterangan lanjut lihat buku Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad II Ihya Assyarif, Gunung Semangol 1934-1959*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 35.

<sup>287</sup>Diterbitkan di Singapura pada 1 Mac 1930 – Sept 1930. Pengarangnya H.M.K. Bakry yang ditulis dengan tulisan Jawi. Dicetak oleh Malaya Press, Singapura. Ukuran lebar 7.9 inci, panjang 10.2 inci. Terbit dalam bentuk bulanan. Naskhah tersimpan di Universiti Malaya.

<sup>288</sup>Majalah ini bertahan hanya beberapa bulan sahaja akibat perperangan. Di antara makalah-makalah yang dimuatkan ialah tafsir al-Qur'an. Haji Abdul Hamid Fadzil al-Muari sebagai penerbit dan pengarangnya. Diterbitkan di Singapura pada 1 Jun 1939 dan dicetak oleh Matbaah al-Qamariah dan Bintang Malaya Press. Ditulis dengan huruf Jawi yang diterbitkan triwulan. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>289</sup>Majalah ini dikeluarkan oleh Madrasah al-Masyhor, Pulau Pinang. Diterbitkan di Pulau Pinang pada Nov 1935 oleh Jamaah Guru Uagma Semenanjung. Pengarangnya Syeikh Mohd Husain Rafiee. Ditulis dengan huruf Jawi. Ukuran lebar 7.6 inci, panjang 10.3 inci. Mengandungi 52 halaman. Terbit triwulan. Naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>290</sup>Majalah berdasarkan kepada Etika, Kesihatan, Sejarah dan Nasihat. Diterbitkan di Muar, Johor pada Jun 1920 oleh Persekutuan Perbahasan Orang-Orang Islam Muar. Pengarangnya Abdullah bin Mohd Taib. Ditulis dengan huruf Jawi. Ukuran lebar 6 inci, panjang 8.3 inci. Mengandungi 18 halaman. Dicetak oleh percetakan Khairiah Muar. Terbit tengah bulanan. Naskhah tersimpan di Universiti Malaya.

<sup>291</sup> Diterbitkan di Pulau Pinang pada Julai 1936 oleh Pejabat al-Islam Pulau Pinang. Pengarangnya Yusof Ahmad Lubis. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicetak oleh Persama Press Pulau Pinang. Terbit sebagai bulanan.

<sup>292</sup> Majalah ini menjadi suara al-Jemaah al-Islamiah al-Johoriah. Diterbitkan di Johor Bahru pada Okt 1932 oleh Jemaah al-Johoriah. Dibawah pimpinan Mohd Salleh bin Alwi. Ditulis dengan huruf Jawi. Dicetak oleh percetakan al-Atas, Johor Bahru. Terbit sebagai bulanan.

*The Muslim* (1922-1925); *Genuine Islam* (1936-1941); *Voice of Islam* (1937-1939); *Real Islam* (1928-30) dan *The Modern Light*<sup>293</sup> (1940). Namun satu hal yang perlu diketahui, jangka hayat majalah ini terlalu singkat untuk memberi *impact* kepada perkembangan masyarakat dan seperti pengkaji nyatakan sebelum ini, adalah agak sukar jika pengkaji memilih kaedah kronologi tahun akibat dari usia penerbitannya yang singkat.

Dan melihat kepada kandungan majalah-majalah yang dinyatakan di atas tadi, nyatalah bahawa pelbagai aspek penting berhubung masyarakat Islam di Tanah Melayu dan dunia Islam amnya telah dibahaskan. Ledakan alam pemikiran Islam di Tanah Melayu turut dinyatakan dengan semangat keislaman dan semangat kebangsaan oleh pelajar-pelajar Melayu-Indonesia di Mesir dengan terbitnya dua buah majalah iaitu *Seruan Azhar* (1925-1928) dan *Pilihan Timur* (1927-28). Turut sama memberi pewarnaan kepada kegiatan Islam ini ialah majalah-majalah yang terbit di Sumatera dan Jawa seperti *Suara Aceh* dari Aceh, *Noeroeljagin* dari Batu Sangkar, *SoeraSjariat* dari Makasar, *Dewan* dari Djokdjakarta serta beberapa buah lagi yang turut diedar dan dibaca oleh orang-orang Melayu Semenanjung dan Negeri-Negeri Selat.

### 3.5 Dekad Kelima Dan Keenam

Dekad 50-an ini, 107 buah majalah diterbitkan khususnya di Singapura sebelum meningkat sedikit kepada 118 buah pada dekad 60-an dan 178 buah pada dekad ke 70-an.<sup>294</sup> Majalah Melayu pertama yang diterbitkan selepas

---

<sup>293</sup>Majalah *The Modern Light* yang diterbitkan oleh Haji Abdul Majid bin Zainuddin di Johor Bahru memuatkan rencana-rencana agama yang banyak menimbulkan implikasi kepada penaja Gerakan Islam di Semenanjung dan juga di Negeri-Negeri Selat.

<sup>294</sup>Hamedhi Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 2.

Perang ini ialah *Kesatuan Islam*<sup>295</sup> (Dis 1945). Namun hanya pada 1946 barulah ketara tanda-tanda kebangkitan semula nyawa permajalah Melayu yang lebih bersifat nasionalisme dan hiburan, khususnya apabila sebuah majalah yang penting, *Hiboran*<sup>296</sup> diterbitkan. Majalah ini dikatakan menjadi indiksi terhadap kebangkitan semula majalah-majalah Melayu. Sehingga zaman selepas perang akhir 50-an penerbitan majalah didominasi penuh oleh Singapura sebagai lokasi penerbitan majalah yang sebelum ini bersaing dengan Pulau Pinang dan Kota Bharu yang dianggap sebagai kota penerbitan Melayu.<sup>297</sup>

Dalam dekad ini juga menyaksikan perkembangan kepada perusahaan percetakan akibat dari perkembangan ekonomi Singapura. Pencetak-pencetak seperti Syarikat Utusan Melayu, Melayu Raya Press, al-Ahmadiah Press, Royal Press dan sebagainya berkembang dengan pesat. Keadaan ini membuka ruang kepada para pengarang dan budayawan beradu nasib sebagai pengarang akhbar dan majalah. Sebanyak 145 buah majalah diterbitkan dalam tempoh di antara 1946 hingga 1957 dengan kepelbagaian jenis dari majalah berbentuk ilmiah sampailah kepada majalah berbentuk hiburan.<sup>298</sup> Dikatakan bahawa di sepanjang era selepas perang ini, hanya terdapat 18 buah majalah berbentuk agama<sup>299</sup> ekoran penyertaan dari pihak kerajaan seperti yang dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini.

Berbeza keadaannya apabila negara mencapai kemerdekaan. Momentum penerbitan majalah Melayu mulai bergerak perlahan. Antara tahun 1958 hingga

<sup>295</sup>Majalah ini diterbitkan oleh Syed Ibrahim Omar al-Sagoff dan disunting oleh Abdullah Hamid al-Edrus. Sesuai dengan namanya, majalah ini menyiarkan tulisan-tulisan yang bercorak keagamaan dan menggunakan motto, “Tiada kami utuskan bagi engkau melainkan sebagai rahmat kepada seluruh alam”. Majalah berharga RM 0.60 ini hanya bertahan hingga April 1946.

<sup>296</sup>*Hiboran* diterbitkan oleh Royal Press dan kemudian mendapat suntikan semangat apabila Harun Aminurrashid menanggani majalah itu mulai bilangan kesepuluhnya.

<sup>297</sup>Hamedy Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 18.

<sup>298</sup>*Ibid.*

<sup>299</sup>*Ibid.*, h. 21.

1969, hanya terdapat 126 buah majalah Melayu diterbitkan berbanding 145 sebelum ini. Menurut Hamedi Mohd Adnan (2003), terdapat beberapa faktor kelembapan ini. Faktor pertama adalah berpunca ekoran perubahan logistik pusat pentadbiran dari Singapura ke Kuala Lumpur. Keadaan ini memaksa penerbit merangka strategi baru dalam memkomersialkan, segi percetakan dan juga proses pengiklanan. Proses pengubahsuaian ini memakan masa yang panjang yang dapat merugikan syarikat-syarikat percetakan kerana tidak mampu menyambung operasi dengan pantas. Kemudian keadaan diburukkan lagi apabila bahasa kebangsaan diaktakan di dalam sistem Pendidikan Negara. Pengaktaan ini memberi penekanan kepada akhbar dan majalah untuk turut serta memartabatkan tulisan Rumi.

Di samping itu, kemodenan yang dicapai oleh masyarakat ketika itu juga telah menghambat kepada dunia penerbitan. Kelahiran media massa seperti televisyen dan radio mendapat tempat di hati masyarakat. Hamedi Mohd Adnan menyatakan lagi bahawa kedua-dua medium itu menjadi pesiang yang hebat kepada bahan bercetak untuk mengisi masa senggang masyarakat Melayu. Akibat pasaran yang tidak menentu, tidak banyak majalah dan akhbar yang diterbitkan pada dekad ini. Hanya beberapa buah majalah berbentuk hiburan yang beroperasi di Singapura seperti *Arena Filem* (Nov 1960), *Majalah Filem* (Apr 1960), kemudian ditambah dengan penyertaan jabatan-jabatan dan organisasi kerajaan menjadikan majalah sebagai salah satu alat membangunkan masyarakat dengan terbitnya *Dewan Bahasa* (Sept 1957), *Dewan Masyarakat* (15 Sept 1963) dan *Dewan Pelajar* (Jan 1967) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa buah majalah yang bernaung di bawah parti politik seperti *Suara PAS* (1 Jan 1963), *Siaran PAS Kelantan* (15 Feb 1966) dan *Bulan Bintang* (Ogos

1967) oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan *Pelopor* (Jun 1967) oleh UMNO di samping akhbar *Merdeka* yang diterbitkan pada 1 Jul 1954. Walaubagaimanapun semua penerbitan yang menjadi suara parti politik dihentikan penerbitannya ekoran tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.<sup>300</sup>

Justeru secara umumnya diakui bahawa aktiviti penerbitan pada dekad ini tidak serancak berbanding dekad sebelumnya. Hal ini kerana kebanyakan majalah-majalah yang diterbitkan sekadar berperanan sebagai suara rasmi kerajaan yang tidak mampu untuk menjadi kayu ukur perkembangan pasaran permajalah Melayu. Ini kerana kehadirannya di dalam pasaran bukanah atas dasar permintaan ramai dan bersifat komersial, sebaliknya atas dasar agama yang diedarkan secara percuma kepada orang ramai. Tambah Hamedи lagi, keadaan ini menjadi punca kelembapan dunia permajalah Melayu.

### 3.6 Dekad Ketujuh

Dekad ketujuh (1970-79) menyaksikan era kebangkitan semula dunia permajalah Melayu. Terdapat beberapa ciri yang agak menarik untuk dikaji. Pelaksanaan sistem Pendidikan Negara dan Akta Bahasa Kebangsaan sudah mantap pada dekad ini dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai pengantar tunggal di Malaysia. Keadaan ini memperlihatkan suatu perkembangan yang baik dengan bertambahnya jumlah pengguna Bahasa Melayu yang tidak terbatas kepada kaum Melayu sahaja. Dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk

---

<sup>300</sup>Ibid., h. 22-24.

menyeimbangi pembangunan ekonomi antara kaum dengan memberi insentif dan pinjaman untuk menceburi bidang penerbitan.

Sebanyak 178 buah majalah diterbitkan pada dekad 70-an dengan majoriti 36 buah (20.2%) daripadanya merupakan majalah berbentuk hiburan. Ini diikuti majalah agama (27 buah), pengetahuan umum (23 buah) dan komik (18 buah). Majalah-majalah rasmi terus menyumbang dengan 18 buah dan pendidikan/kanak-kanak dengan 16 buah. Dekad 70-an ini juga memperlihatkan kembalinya pengaruh majalah agama dalam dunia permajalah Melayu yang dibayangi majalah hiburan pada dekad sebelumnya.<sup>301</sup> Di tahap ini, perkembangannya telah mengalami satu trend baru, iaitu munculnya beraneka jenis tema. Ada yang berbentuk hiburan, jenaka, wanita, kanak-kanak, ilmiah dan juga agama. Ketika ini aktiviti penerbitan menjadi semakin rancak kerana adanya dokongan daripada *audience* yang dahagakan bahan bacaan dan kehadiran teknologi elektronik serta *print-media* yang *sophisticated*.<sup>302</sup>

27 buah majalah dari Utusan Melayu Berhad yang menerbitkan *Utusan Kiblat* (Jan 1970) dan *al-Islām* (Jan 1974). Manakala *Majalah al-Islah* (Feb 1970-Ogos 1974) juga turut diterbitkan oleh Tuan Haji Yusof Rawa dengan matlamat dan isu yang sama. Kebangkitan semula Islam yang mula dirasai di seluruh dunia Islam dimarakkan lagi dengan berlakunya Revolusi Iran pada akhir 70-an turut memberi pengaruh terhadap perkembangan majalah agama. Di samping itu, keghairahan dalam memperkatakan perkara agama dan dakwah di kalangan anggota masyarakat juga turut menyumbang kepada perkembangan ini dengan menjadikan bahan bacaan sebagai platform menegakkan *amar makrūf*

---

<sup>301</sup>Ibid., h. 25-26.

<sup>302</sup>Mohd Sarim Haji Mustajab (1988), *op.cit.*, h. 2.

*nahī mungkar*. Antara institusi-institusi pentadbiran agama yang terlibat seperti Majlis Agama Negeri dan Jabatan Agama serta badan-badan dakwah seperti Al-Arqam,<sup>303</sup> ABIM,<sup>304</sup> Jami’iyah Dakwah Islamiah, Jamaah Tabligh Islam India,<sup>305</sup> Yayasan Dakwah Islamiah, PERKIM<sup>306</sup> dan INDAH turut memainkan peranan dalam pewarnaan aktiviti penerbitan. Ini kerana boleh dikatakan selepas merdeka hampir kebanyakan dari institusi pentadbiran agama atau jabatan agama di negeri-negeri Melayu mempunyai lidah rasminya sendiri dalam usaha menyebarkan fungsi pertubuhan tersebut dan agama Islam.<sup>307</sup>

Langkah awal dirintis oleh Yayasa Dakwah Islamiah (YADIM) dengan menerbitkan *Dakwah* (Mac 1977). Kemudian diikuti oleh Majlis Agama Islam Sabah dengan menerbitkan *al-Hikmah* (Jun 1970), Jabatan Agama Islam Terengganu menerbitkan *Saujana* (Jan 1974), Jabatan Agama Islam Selangor sudah mengeluarkan *Hidayāh* (Mei 1976) dan *al-Ehsān* (Okt 1976), dan Jabatan Agama Islam Perak dengan *al-Ridhwān* (Sept 1978).

---

<sup>303</sup>Jemaah Darul Arqam ini merupakan sebuah pergerakan agama yang bersifat tempatan atas daya usaha Ustaz Ashaari Muhammad yang gemar menceburkan diri dalam gerakan Islam. Sasaran utama pergerakan ini ialah kepada masyarakat Melayu Islam itu sendiri dengan matlamat untuk merealisasikan ajaran Islam berdasarkan kepada keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya, memperteguhkan ikatan persaudaraan sesama Islam, berjaya dalam bidang ekonomi, percaya kepada kedatangan Imam Mahdi, sedar tentang kehidupan yang sementara dan tanggungjawab yang dipikul serta amalan-amalan yang dibawa selepas mati.

<sup>304</sup>ABIM ditubuhkan pada tahun 1969.Pertubuhan ini ditubuhkan atas beberapa sebab.Pertamanya untuk menyebarkan Islam sebagai *ad-din* di kalangan masyarakat Islam. Di samping itu, ia juga memperjuangkan hak-hak kemanusiaan dan berdaya usaha dalam menyelesaikan isu-isu pembinaan negara bangsa dengan memberi tumpuan kepada nasib orang Melayu dalam arus pemodenan ini.

<sup>305</sup>Jemaah Tabligh ialah sebuah pertubuhan dakwah yang berpusat di New Delhi, India yang diasaskan oleh seorang alim bernama Raizul Muballighim Allama Maulana Ilyas al-Kandahlawi pada tahun 1925.Jemaah Tabligh ini sebenarnya berpunca daripada usaha beliau mengumpulkan beberapa orang kenalan dan anak muridnya untuk pergi ke satu-satu tempat untuk bertabligh iaitu mengajak orang Islam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam kerana beliau dapat masyarakat Islam ketika itu tidak berminat untuk mendalami Islam sebenar.Jemaah ini mula dibawa ke Malaysia pada awal dekad 50-an oleh seorang pengikutnya bernama Maulana Abdul Malik Madani.

<sup>306</sup>PERKIM ialah sebuah organisasi Islam yang terawal sekali ditubuhkan iaitu pada tahun 1906. Pergerakan ini ditubuhkan atas daya usaha empat orang tokoh iaitu Tunku Abdul Rahman, Tan Sri S.O.K. Ubaidullah seorang India Muslim, Haji Ibrahim Ma seorang Cina Muslim dan Tan Sri Mubin Sheppard seorang Eropah Muslim. Pertubuhan ini berfungsi untuk menjaga kebaikan orang Islam terutama bagi saudara baru.Sememangnya matlamat utama PERKIM ialah untuk menyebarkan Islam dan bergiat dalam soal sosial dan kebaikan orang Islam di seluruh negara.Tumpuan sebaran agama Islam ini ialah kepada yang bukan Islam. Aktiviti ini membezakan sedikit antara PERKIM dengan pergerakan Islam yang lain yang lebih menumpukan kepada pengamalan Islam yang menyeluruh di kalangan umat Islam sendiri. PERKIM telah menubuhkan lidah rasmi dalam tiga bahasa iaitu *Suara Perkim* (Bahasa Melayu), *Nur Islam* (Bahasa Cina) dan *Islamic Herald* (Bahasa Inggeris) yang dikendalikan bahagian kebaikan yang juga mengendalikan soal-soal lain seperti kewangan, pengambilan keluarga angkat untuk saudara-saudara Islam baru dan juga mengendalikan klinik.

<sup>307</sup>Mohd Sarim Haji Mustajab (1988), *op.cit.*, h. 3.

Kebangkitan semula Islam dan pengaruh Revolusi Iran yang mula berlaku pada akhir dekad 70-an mula menampakkan kesan yang signifikan terhadap dunia permajalah Melayu. Dua puluh tujuh buah majalah agama yang diterbitkan pada dekad ini diterbitkan oleh pertubuhan atau persatuan yang muncul ekoran dua peristiwa penting itu. Pertubuhan yang paling penting ialah al-Arqam yang ditubuhkan sejak 1968 lagi dan selebar sayap mengembangkan fahaman spiritualnya sehingga cukup kepakaran untuk melibatkan diri dalam dunia penerbitan majalah dengan menerbitkan *Majalah al-Arqām*. Kemudian beberapa buah majalah lain turut menyusul seperti *al-Munīr* (Jan 1983), *al-'Ain* (Jun 1984), *al-Qalām* (Jun 1984), *al-Mukmīnah* (Feb 1986), *Fardhu 'Ain* (Apr 1987), *an-Nasīḥah* (Dis 1987), *Imām* (Okt 1988) dan *al-Qiādah* (Jan 1989). Kesemua majalah al-Arqam ini mengajak kepada *audience* supaya menjalani kehidupan seperti yang digariskan oleh Rasulullah s.a.w.<sup>308</sup>

Selain al-Arqam, beberapa buah pertubuhan atau jemaah Islam lain turut menerbitkan majalah untuk mengembangkan idealisme masing-masing. Lembaga Kebajikan Perempuan Islam umpamanya menerbitkan *Cahaya Lembaga* (Sept 1981), Persatuan Guru-Guru Madrasah Rakyat dengan *Masulīyah* (Jan 1983), Angkatan Nahdatul Ulama, Kuching menerbitkan *Sinaran Bina* (Jan 1983), Barisan Jamaah Islamiah Malaysia dengan *al-Jamāah* (Mei 1984), PAS dengan *Muslimah* (Nov 1984), ABIM dengan *Berita Abim* (Apr 1989) dan Perintis Bakti Malaysia dengan *al-Funūnīyah* (Jan-Jul 1989).<sup>309</sup>

Semua majalah ini menjadi platform penerbitnya untuk mengenangkan idealismenya sesuai dengan era kebangkitan Islam dan untuk meningkatkan imej

<sup>308</sup> Mohd Hamed Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 33.  
<sup>309</sup> *Ibid.*, h. 34 & 248.

masing-masing sebagai badan harakah Islamiah yang boleh dipertanggungjawabkan. Seiring dengan itu juga seperti yang pengkaji katakan tadi, Pusat Islam iaitu Unit Yayasan Dakwah Islamiah telah menerbitkan *Dakwah* (Mac 1977) pada dekad ini dengan lebih agresif dan mencabar. Di bawah pusat Islam itu muncul *Sinaran Islam* (Jun 1982), dan diikuti beberapa majalah agama yang lain seperti *Ruhaiyyāt* (Mac 1989), *Pendidikan* (Ogos 1989) dan *Cahaya* (Ogos 1989). Namun kehadiran majalah-majalah yang diedarkan secara percuma sedikit sebanyak menjelaskan pasaran majalah agama lain yang dijual di pasaran.

Penggunaan akhbar dan majalah sebagai media untuk menyampaikan kesedaran masyarakat Melayu juga turut dimainkan oleh pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Kaherah. Keadaan di Kaherah yang secara relatifnya agak bebas dalam memberikan ruang kepada pelajar-pelajar yang menuntut di sana bergiat aktif dalam kegiatan penerbitan. Para pelajar lulusan Kaherah ini membawa pemikiran dan pemahaman mereka apabila pulang ke tanah air seterusnya diperaktik dan melancarkan gerakan islah dan tajdid melalui mata pena sepertimana yang telah dijelaskan oleh Talib Samat (2004) di dalam bukunya bertajuk "*Berjihad Menerusi Tulisan*", menyatakan bahawa penulisan merupakan satu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea, pemikiran, kritikkan, maklumat dan pendapat terhadap sesuatu perkara.<sup>310</sup>

Selain Kaherah, Mekah juga memainkan peranan yang sama dalam membentuk pemikiran masyarakat Melayu. Walaupun menurut beliau ramai orang mengira para pelajar di England atau Kaherah saja yang aktif di dalam

---

<sup>310</sup>Talib Samat (2004), *Berjihad Menerusi Tulisan*, Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 45.

gerakan tidak dominan namun ianya dilihat sedikit sebanyak memberi impak yang besar kepada sebilangan penuntut lulusan ini. Perkara ini diakui sendiri oleh Tuan Haji Yusof Rawa yang dianggap 'gaint killer' berkata: "*Sebenarnya kalau disorot betul-betul para pelajar di sana turut mengikuti perkembangan politik tanah air melalui pembacaan buku dan makalah, dan kesedaran politik memang ada di kalangan pelajar-pelajar di Mekah.*"<sup>311</sup> Walaupun kenyataan ini merujuk kepada perkembangan politik, namun bagi pengkaji perhatian tidak hanya tertumpu kepada isu pentadbiran semata-mata malah aspek lain juga turut diberi perhatian.

### 3.7 Dekad Kelapan Dan Sembilan

Dalam dekad 80-an, 177 buah majalah diterbitkan. Antaranya *Mingguan Bumi*(1981), *Mingguan Perdana* (10 Jan 1982) dan *Bacaria* (27 Nov 1982).Namun dekad ini dikatakan tidak banyak mengalami perubahan dari dekad sebelumnya cuma dunia permajalah Melayu menghadapi serangan sengit dari akhbar-akhbar tabloid.<sup>312</sup> Tabloid dengan harganya yang lebih murah, bukaan ruang yang lebih luas dan menarik untuk ditatap telah menyempitkan ruang perkembangan majalah Melayu.

Walaubagaimanapun, majalah baru terus diterbitkan. Daripada 177, 33 atau 18.7 peratus daripadanya adalah berbentuk majalah pendidikan,<sup>313</sup> 27 buah majalah bercorak keagamaan,<sup>314</sup> majalah-majalah wanita seperti Wanita, Jelita, Dewi;majalah sukan seperti Dunia Sukan oleh Utusan Melayu Berhad, Alam Sukan dan Jaguh. Sehingga memasuki dekad ke 90-an, dunia permajalah

<sup>311</sup>Sarina (1986), "Yusof Rawa Popular Kerana Tewaskan Dr. M", jil. 11, bil. 123, Januari 1986, Amir Enterprise, h. 19.

<sup>312</sup>Hamedи Mohd Adnan (2003), *op.cit.*, h. 31.

<sup>313</sup>*Ibid.*

<sup>314</sup>Lihat lanjut *ibid.*, h. 33.

menjadi semakin matang dan menjanjikan saingen yang sengit kepada majalah untuk bersaing untuk menjadi medium bagi mengisi masa senggang khalayak pembaca. Pada masa yang sama juga, industri permajalah dan percetakan menurut Hamedi Mohd Adnan telah mengalami peningkatan teknologi yang cukup drastik. Kelahiran alatan moden seperti komputer, pemasangan satelit dan jalur lebar membuktikan dunia permajalah Melayu mendapat saingen yang sengit sebagai pilihan yang mudah, ringkas dan cepat selain bersaing dengan akhbar-akhbar tabloid yang lebih menarik perhatian.

Justeru, dalam konteks perbincangan ini suka pengkaji nyatakan bahawa dunia penerbitan akhbar dan majalah di Malaysia begitu unik sekali untuk dikaji. Bermula dengan kemunculan majalah berbentuk missionari, kemudian diikuti oleh keterlibatan golongan peranakan membuktikan kepada kita bahawa masyarakat Melayu agak ketinggalan dalam memberikan respon terhadap perkembangan ini. Memasuki dekad kedua dan ketiga, barulah kesedaran terhadap perlunya alat sebaran di kalangan masyarakat Melayu mulai terserlah. Tambahan pula tanggapan mereka yang mengandaikan bahawa bacaan berupa akhbar dan majalah tidak lebih hanya sekadar subjek pengajaran yang digunakan di sekolah semata-mata. Ini ditambah lagi dengan kekurangan modal dan alat percetakan menyukarkan lagi usaha ke arah itu.

Dan di dalam dekad seterusnya, menyaksikan perkembangan yang agak pesat apabila golongan hartawan menunjukkan minat untuk menceburkan diri dalam bidang penerbitan di samping keterlibatan institusi pendidikan seperti madrasah menerbitkan lidah penyampainya sendiri. Pertambahan kadar celik huruf dan keterlibatan jabatan-jabatan dan pertubuhan agama serta penglibatan

para guru selepas Perang Dunia Kedua juga turut menyemarakkan lagi perkembangan akhbar dan majalah. Ini terbukti apabila Pulau Pinang dan Kota Bharu dikenali sebagai kota penerbitan Melayu. Perkembangan ini membuktikan bahawa minat serta sikap orang Melayu terhadap akhbar telah berubah. Walaupun adanya pasang surut dengan pemindahan lokasi percetakan dari Singapura ke Kuala Lumpur selepas merdeka dan saingan dari media elektronik serta asakan dari penggunaan sistem tulisan Jawi ke Rumi, namun hingga kini akhbar dan majalah masih menjalankan fungsinya yang tersendiri.

Polemik agama yang berlaku di antara Kaum Muda dan Tua juga dilihat turut sama menyumbang dan memberi pewarnaan di dalam perkembangan persuratan Melayu. Idea-idea pembaharuan yang dilayangkan dalam akhbar dan majalah seperti *al-Imām*, *al-Ikhwān* dan *Saudara* serta pembinaan madrasah telah menimbulkan nilai jati diri dan kesedaran kepada masyarakat Melayu akan pentingnya alat sebaran untuk memberi teguran dan nasihat kepada bangsanya.

Justeru itu, bagi meneruskan lagi kajian ini, tidak lengkap kiranya pengkaji hanya membincangkan mengenai sejarah perkembangan akhbar dan majalah secara umum tanpa memperkenalkan kepada *Majalah al-Islah*. Melalui majalah ini pengkaji akan cuba membuktikan bahawa *Majalah al-Islah* merupakan salah satu bahan bacaan berunsur reformis dan apa yang mempengaruhi terhadap aktiviti penerbitannya. Seperti yang pengkaji janjikan sebelum ini, adalah perlu bagi pengkaji untuk turut mengkaji majalah ini sebagai pengenalan awal.

#### **4. Latar Belakang *Majalah al-Islah***

Majalah ini diberi nama *al-Islah* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping “mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air”.<sup>315</sup> Majalah ini diterbitkan “bertujuan menyeru dan berdakwah selain menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar”<sup>316</sup> dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan. Ini kerana menurutnya kerana setiap hati manusia itu “selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t.”.<sup>317</sup>

Ini selaras dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Ali Imran 3:104:

**الْمُفْلِحُونَ هُمْ وَأُولَئِكَ الْمُنْكَرُونَ**

*”Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah perbuatan mungkar, mereka itulah orang-orang yang beruntung”*  
*(Surah Ali Imran 3:104)*

*Al-Islah* ini digambarkan sebagai perjuangannya di tengah-tengah dunia persuratkhabaran Islam di tanah air yang bersifat umum dan bebas. Di mana para penulis diberi kebebasan dalam melontarkan idea-idea Islamik sama ada dalam “bentuk

<sup>315</sup>Yusof Rawa (1970), "Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1, jil.1, 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389, h. 3.

Keranina

<sup>317</sup> Yusof Rawa (1970), "Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 4.

*rencana, cerpen, sajak, drama dan sandiwara, namun apa yang penting haruslah kita tekankan segala tulisan itu haruslah bercorak keislaman”.*<sup>318</sup>

Majalah ini diterbitkan ketika di ambang kemasukan tahun baru, tahun 1970. Ini kerana tahun sebelumnya, dianggap sebagai tahun ”tunggang balik” atau ”kacau bilau”.<sup>319</sup> Pelbagai peristiwa yang menimpa umat Islam semasa seperti Masjid al-Aqsa dibakar oleh orang Yahudi<sup>320</sup>, ekoran gerakan zionisme, kezaliman oleh Hindu terhadap kaum muslimin di bandar Ahmad Abad dan sebagainya. Dan apa yang mendukacitakan lagi ialah mengenai peristiwa 13 Mei 1969 yang menimpa masyarakat Tanah Melayu telah menganggu gugat kehidupan masyarakat Muslim sejagat. Pertelingkahan di antara orang Melayu dan kaum Cina juga memberi kesan yang mendalam terhadap perjuangan orang-orang Melayu.

Di samping itu, masalah ummah juga menjadi fokus di dalam penerbitan majalah ini apabila beliau membangkitkan mengenai permasalahan penyakit remaja yang melanda umat Islam pada hari ini. Beliau juga dikatakan sering melontarkan beberapa permasalahan yang patut difahami oleh umat Islam dalam merealisasikan konsep perpaduan ummah. Tulisan beliau seakan-akan sebuah tingkap untuk kita menjenguk ke satu daerah yang jarang benar ditinjau, sama ada dari jauh ataupun dekat. Di tambah pula, penerbitan *al-Islah* juga dilihat sebagai usaha untuk menyebarkan

---

<sup>318</sup>Yusof Rawa (1970), ”Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1, jil.1, 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>319</sup> Yusof Rawa (1970), ”Di Ambang Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 2, jil.1, 1 Mac 1970 bersamaan 23 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>320</sup> Peristiwa besejarah pada 21 Ogos 1969 di mana seorang bangsa Yahudi warga Australia, Denis Rohan, telah mengambil tindakan membakar Masjid al-Aqsa. Pembakaran tersebut berlaku di waktu subuh pada 21 Ogos 1969 selepas muslimin menuaikan solat subuh dan meninggalkan masjid. Di kesempatan itulah, pihak Yahudi memulakan perancangan mereka dengan membakar Masjid Al-Aqsa. Api marak dengan cepatnya dan terus membakar peralatan masjid dan dindingnya apatah lagi pada waktu tersebut muslimin telah meninggalkan masjid untuk meneruskan rutin harian mereka. Namun begitu, usaha memadamkan api yang terus marak telah dilakukan oleh pemuda-pemuda Islam dengan mengambil air dari telaga-telaga yang berada di kawasan lapang Masjid Al-Aqsa, memindahkan karpet dan tikar keluar dari masjid dan menghimpunkan cebisan-cebisian kecil Mimbar Solahuddin yang terbakar dan kini ia di simpan di Muzium Islam di Masjid Al-Aqsa. Sila lihat Yusof Rawa (1970), ”Kita Dan Kemekaran Masjid al-Aqsa” *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 13, jil.1, 15 Ogos 1970/ 13 Jamadil Akhir 1390, h. 2, dan lihat juga ”Peristiwa Sempena Sambutan Hari Al-Quds Sedunia”, dalam <http://amanpalestin.net/baca.php?lihat=artikelPenuh&id=24> diakses pada 17 Februari 2010.

gagasan reformasi dan semangat nasionalisme Melayu Islam yang cuba diterapkan dan mengasak pemikiran masyarakat Melayu ketika itu.

*“Oleh kerana itu, kepada seluruh umat negeri ini, baik dari pihak pemerintah dan rakyat jelata, cubalah renungkan sekurang-kurangnya dan cubalah bertindak untuk mengubahkan keadaan yang telah dan sedang dideritai oleh umat negeri ini dengan secepat mungkin, mengikut kemampuan dan kekuasaan yang ada pada kita, sebelum tibanya saat kehancuran...”<sup>321</sup>*

Kehangatan *al-Islah* mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa sendiri pernah menyatakan bahawa “*umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya*<sup>322</sup> *dan terbitan ini adalah atas dasar dakwah bukannya atas dasar komersil...*”<sup>323</sup>

Penerbitan *Majalah al-Islah* telah mendapat sambutan yang memberangsangkan di kalangan masyarakat setempat malah begitu popular di kalangan para pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Timur Tengah terutamanya di Universiti al-Azhar, Mesir. Hal ini kerana, pengisian di dalamnya lebih bersifat segar mengikut arus zaman dan memuatkan dengan pelbagai makalah yang menyentuh pelbagai aspek agama seperti tafsir al-Quran, al-Hadith, tasawuf, sejarah Islam dan sebagainya. Di samping itu, majalah ini juga membuka ruang-ruang diskusi mengenai isu-isu dunia Islam semasa dan memaparkan kisah-kisah para tokoh Islam.<sup>324</sup> Penerimaan *Majalah al-Islah* amatlah menggalakkan iaitu pada hari pertama pelancarannya bersempena sambutan Hari Raya Aidil Adha, sebanyak 3000 naskhah telah diedarkan di seluruh Malaysia

---

<sup>321</sup>Ibid.

<sup>322</sup>Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 4, jil.1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muharram 1390, h. 4.

<sup>323</sup>\_\_\_\_\_ (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Februari/ 1 Mac 1973 bersamaan 11/26 Muharram 1393, h. 2.

<sup>324</sup>Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah (2009), “Idea-Idea Reformis Era 70-an: Bacaan Awal Terhadap Majalah al-Islah”, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ermy Azziaty Rozali et.al., (ed.), (Prosiding Pengajian Arab dan Tamadun Islam pada 29-30 Disember 2009), h. 185.

termasuklah negara jiran seperti Brunei dan Medan.<sup>325</sup> Seterusnya bertambah lagi permintaannya sebanyak 5000 naskhah dan penerbitannya terhenti pada tahun 1973.

Keistimewaan majalah ini juga terserlah dengan kewibawaan barisan penulisnya yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikannya. Antaranya Haji Yusof Rawa sendiri, Abu Zaki Fadhil, Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy, Syeikh Ali Abdul Mun'im Abdul Hamid dipetik dari majalah *al-Wa'e al-Islamiah*, Kuwait; Muhammad Natsir, S. Othman Kelantan, Nahmar Jamil, Ismail Awang, Abdul Rasyid Long, Bakhtiar Jamili dan ramai lagi. Barisan penulis yang hebat seperti Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Abu Bakar Asya'ari dan penulis-penulis dari seberang jelas membuktikan bahawa majalah ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Jika dibandingkan dengan akhbar dan majalah sezaman dengannya, tidak terlihat majalah yang mampu berdiri lama di tengah-tengah kancang masyarakatnya yang hanyut dengan arus kemajuan sains dan teknologi. Walaupun diketahui bahawa jabatan-jabatan agama turut menerbitkan majalah berbaur intipati yang sama dengan *al-Islah* dalam menegur masyarakatnya, namun kemunculan *al-Islah* lebih diberi perhatian oleh masyarakatnya.

Ini jelas dengan kenyataan Tuan Haji Ahmad Maliki, Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama, Pulau Pinang dan Seberang Prai di dalam suratnya memberikan sokongan dengan mendoakan “*agar al-Islah bertambah maju dan dapat berdiri di tengah-tengah masyarakat sebagai satu penyuluhan umat ke arah al-islah pada serba serbinya*”.<sup>326</sup> Begitu juga Usman Awang dari *Pengasuh* menyatakan kepada *al-Islah* rasa kegembiraannya dengan kemunculan majalah ini dapat membendung krisis moral dan fikiran manusia.

---

<sup>325</sup>Mujahid bin Haji Yusof Rawa (2001), *Permata Dari Pulau Mutiara*, Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd., h. 174.

<sup>326</sup>*Ibid.*

*“Dalam zaman yang penuh dengan krisis moral dan fikiran manusia begitu jelas melihat sains dan kemajuan-kemajuan teknologi, di samping membuat bermacam-macam hingga melupai soal-soal moral dan akhlak, maka lahirnya al-Islah untuk mengisahkan masyarakat sekarang yang bagi setengah orang mengatakan sangat buruk”.*<sup>327</sup>

Namun kehangatan yang diharap sampai ke petang, tiba-tiba mendung di tengah jalan. Pemikiran yang dibawa Tuan Haji Yusof Rawa dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam Malaysia kepada perlunya kembali kepada Islam dalam penjelasan kontemporari tergendala. Keluarannya telah digantung buat seketika atas dasar kepentingan politik pemerintah. Sebagai seorang pemimpin dalam parti pembangkang, kehadiran *al-Islah* dikhuatiri menjadi propaganda politik kepada PAS. Sehinggalah sekitar Ogos 1974 majalah ini diberhentikan penerbitan buat selama-lamanya.

Walaupun tidak diketahui secara jelas mengapa berlakunya sedemikian, namun pengkaji mempunyai empat andaian yang dapat disimpulkan mengapa majalah ini turut berkubur seperti majalah-majalah sebelum ini. Pertama, perkara sebegini bukanlah suatu hal yang baru di dalam dunia penerbitan. Ketika ini dunia penerbitan masih belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya. Oleh itu, jika majalah silih berganti di pasaran bukanlah suatu hal aneh. Malah *al-Islah* dianggap amat bertuah kerana mampu bertahan hampir lima tahun di dalam pasaran berbanding majalah-majalah lain yang hanya mampu bertahan dalam beberapa tahun atau beberapa bulan sahaja.

Kedua, Akta Percetakan Akhbar yang telah digubal pada tahun 1948, telah disemak semula pada tahun 1974. Di mana akta ini memperuntukkan agar syarikat-syarikat percetakan yang ingin menerbitkan akhbar perlu memiliki lesen percetakan

---

<sup>327</sup> Pengarang *al-Islah* (1970), “Anda Dan al-Islah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muharram 1390, h. 18.

akhbar dari Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di mana setiap akhbar perlu mendapat kebenaran dari Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri dan ia perlu diperbaharui setiap tahun. *Al-Islah* sendiri pernah menghadapi masalah dalam memperbaharui permitnya dengan KDN pada tahun 1971.<sup>328</sup>

Menurut akta ini, peristiwa umum tidak boleh dipersembahkan dengan "pengubahan" atau dengan kesan yang boleh "membangkitkan permusuhan perkauman". Selain itu, melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) yang memberi Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri kuasa untuk melarang percetakan, penerbitan, penjualan, isu, pengedaran atau sebarang dokumen membawa penganiayaan, penderhakaan undang-undang atau apa-apa yang boleh menggugat keamanan atau bersifat kepentingan nasional. Pada tahun 1971 juga, Akta Hasutan 1948 turut diubah dengan lima bidang hasutan telah dibincangkan. Salah satunya mengenai bahasa kebangsaan. Ketika ini, penggunaan tulisan Rumi telah diseleraskan oleh pihak kerajaan. Ini juga menyumbang kepada suatu cabaran yang besar untuk *al-Islah*. Dan jika diperhatikan di tahun-tahun ini, penerbitan akhbar semakin diperketatkan dan usaha-usaha pemantauan rancak dilakukan.

Ketiga, kerana adanya sifat bias. Jika kita kaji kepada pengasas majalah ini, beliau merupakan seorang pemimpin politik yang bergiat aktif dalam pergerakan PAS. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi pengaruh di dalam aktiviti penerbitannya. Bagi pihak kerajaan pula yang diterajui oleh UMNO, mereka melihat perkara ini merupakan suatu ancaman yang jelas terhadap kepimpinan mereka. Tun Mahathir Mohamad yang ketika itu bekas anggota Dewan Rakyat kawasan Kota Setar menyatakan agar *al-Islah* tidak menjadi alat kepada mana-mana pihak, malah ia akan dapat melahirkan pemikiran

---

<sup>328</sup>Vincent Lowe (1985), "Kebebasan Dan Kawalan Media: Satu Perbincangan Tentang Isu-Isu Akhbar Di Malaysia", dalam Zuraina Majid, (peny.), *Masyarakat Malaysia*, Edisi II, Universiti Sains Malaysia, h. 251 – 252.

yang objektif dan membina di samping memberi peluang seluasnya kepada mereka yang tidak sealiran pendapat dengan pengarangnya.<sup>329</sup> Dan di dalam tempoh 1957-1990, terdapat pengukuhan dan pemusatan kuasa oleh UMNO melalui pindaan-pindaan kepada perlembagaan dan penggubalan akta Parlimen. Ahli-ahli dan kumpulan politik yang rapat dengan UMNO dengan mudah menguasai bidang persuratkhabaran berbanding parti-parti yang tidak sealiran dengannya.

Keempat, andaian yang lebih menyakinkan ialah akibat dari kesibukan beliau apabila terlibat secara serius di dalam pentadbiran negara. Semenjak tahun 1973, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia ke PBB. Di mana beliau ditugaskan di New York selama satu tahun. Setahun kemudian, beliau dilantik pula sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Dan kemuncak kepada pemberhentian *al-Islah*, pada tahun 1975 hingga 1979 beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri ketika itu sebagai Duta Malaysia ke Iran, Afghanistan dan juga Turki yang memaksa beliau untuk memberhentikan *Majalah al-Islah* buat selama-lamanya.

Menurut pengkaji, ketiga-tiga faktor ini menyumbang kepada berkuburnya *Majalah al-Islah* di samping faktor-faktor sampingan seperti kekurangan modal dan ramai di kalangan pembekal tidak dapat meneruskan khidmatnya untuk melanggan majalah ini. Keadaan ini menyebabkan para pembaca terpaksa berurusan sendiri dengan pihak penerbit untuk mendapatkan naskhah tersebut dan memerlukan kos tambahan untuk tujuan pos. Kekurangan modal dan kesukaran mendapatkan wang jualan dari wakil-wakil penjual dari kawasan yang jauh dari pusat penerbitan juga boleh menjadi salah satu punca pemberhentiannya. Namun, pengkaji lebih bersetuju jika dikatakan

---

<sup>329</sup> Ibrahim Bitu (1970), "Kehadiran Tengahbulanan al-Islah Dialu-alukan: Semoga al-Islah Menjadi Pendamai Yang Adil", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970 bersamaan 23 Zulhijjah 1389, h. 13.

pemberhentian majalah ini mempunyai kaitan langsung dengan sekatan dari pihak kerajaan seperti yang dinyatakan oleh anaknya sendiri.

#### 4.1 Pengenalan *Majalah al-Islah*

Sebelum kita membicarakan dengan lebih lanjut mengenai isi kandungan *al-Islah* ini, baik saya menerangkan secara ringkas mengenai fizikal majalah ini.

##### i. Kulit Depan Hadapan

Gambar 3.1: kulit depan *Majalah al-Islah*



Sumber: *Majalah al-Islah*, jilid 1, bil. 1, 15 Februari 1970 M

Berdasarkan kulit depan keluaran di bawah nombor pendaftaran KDN 4689, jil. 1, bil.1 ini, pengkaji akan menerangkan beberapa perkara yang menarik untuk dinyatakan di dalam kajian ini. Pertama; perkataan *al-Islah* ditulis dengan tulisan Jawi (khat *Nasakh*) dan juga tulisan Rumi. Di dalam keluaran pertama ini, bersempena menyambut Hari Raya Aidil Adha, maka di bahagian tepinya ditulis takbir raya. Dan di bahagian bawah dipamerkan gambar kaabah bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidil Adha. Di bahagian atas ditulis dengan surah Hud ayat 88.

وَمَا حَسَنَ أَرْزَقَهُ وَرَزَقَنِي رَبِّي مَنْ بَيْنَهُ عَلَىٰ كُنْتُ إِنْ أَرَأَيْتُمْ يَقُولُ مَقَالَةً  
 تَطَعُّتُ مَا أَلِّا صَلَحَ إِلَّا أَرِيدُ إِنَّ عَنْهُ أَنْهَكُمْ مَا إِلَىٰ أَخَالِفُكُمْ أَنْ أَرِيدُ  
 أَنْ يُبَوِّإَ لَيْهِ تَوَكِّلْتُ عَلَيْهِ بِاللَّهِ إِلَّا تَوْفِيقِي وَمَا أَسْ  
۲۷

Terjemahan: “Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali”.

Dan kebanyakan gambar kulit yang diambil berdasarkan isu atau peristiwa yang berlaku pada bulan tersebut. Contohnya gambar tokoh-tokoh terkemuka, isu yang diperbincangkan oleh dunia dan sebagainya.

**Gambar 3.2: kulit depan *Majalah al-Islah***



Sumber: *Majalah al-Islah*, jilid 2, bil. 1, 15 Februari 1971 M

Namun pada jil.2 dan bil. 1, Isnin 15 Februari 1971 bersamaan 19 Zulhijjah 1390 berlaku sedikit perubahan kepada tajuk utama, di mana perkataan *al-Islah* telah ditulis dalam bulatan dengan menggunakan khat *thulut*. Serta tidak lagi menggunakan

baris pada perkataan *al-Islah*. Manakala yang lain, masih lagi menggunakan surah Hud sebagai seruan dakwah, dengan harga dan saiz yang sama.

## ii. Fizikal

*Al-Islah* diterbitkan ditengahbulanan dengan menggunakan sistem jilid dan bilangan ini sering mengutarakan pelbagai tema Islamik yang mampu menggarap minda pembaca. Dengan menggunakan sistem tulisan Jawi dan purata halaman 16 hingga 32 halaman diterbitkan dengan kekerapan dwi-mingguan bermula dari 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389 H, 1 Mac 1970, 15 April 1970 dan seterusnya. Majalah ini diterbitkan oleh syarikat percetakan Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Pulau Pinang dengan berukuran 7.2 x 10.1 inci dengan harga 30 sen senaskhah. Namun mulai jilid keempat sekitar tahun 1973, ukurannya telah ditukar kepada saiz yang lebih kecil iaitu 11 x 7.75 inci dengan harga yang sama.

Penggunaan tulisan Jawi dalam penerbitan *al-Islah*, menurut Tuan Haji Yusof Rawa, tulisan Jawi merupakan asas utama bagi umat Islam yang ingin membaca, memahami dan mempelajari isi-isi kitab suci al-Quran. Beliau berpendapat bahawa adalah menjadi sia-sia diadakan musabaqah al-Quran pada tiap-tiap tahun sekiranya anak-anak yang berada di bangku sekolah tidak tahu membaca tulisan Jawi. Dengan keadaan ini, *al-Islah* mengambil suatu langkah dalam memartabatkan warisan tulisan Jawi dengan mengaplikasikannya di dalam penerbitan tengahbulanan *al-Islah*:

*“Menurut pendapat kami, kami sebagai penerbit dan pengarang tengahbulanan al-Islah, telah memilih tulisan Jawi sebagai alat untuk menyampaikan dakwah Islamiah di tanah air kita ini...”<sup>330</sup>*

---

<sup>330</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 20.



Gambar 3.3



Gambar 3.4



Gambar 3.5



Gambar 3.6

Berdasarkan gambar 3.3, ia mula disiarkan pada bil. 1, jil.1, 15 Februari 1970/ 9 Zulhijjah 1389. Gambar 3.4 pula bermula pada bil. 5, jil.1, 15 April 1970 bersamaan 8 Safar 1970 dengan mula meletakkan harga langganan. Langganan enam keluaran berharga \$ 1.80, 12 keluaran \$ 3.60 dan 24 keluaran berharga \$ 7.20. Gambar 3.5 pula iaitu bil.1, jil.2, 15 Februari 1970 bersamaan 19 Zulhijjah 1390. Terdapat sedikit perubahan, di mana *al-Islah* telah menggunakan cop rasmi yang dikeluarkan oleh syarikat percetakan Pembahagi Tunggal iaitu H. Abdullah B.M. Noordin Arrawi. Manakala butiran lain masih lagi sama seperti penerbit, alamat, sidang pengarang dan nombor telefon. Namun pada jil.2, bil.5, terdapat sedikit perubahan pada tulisan alamat. Ia telah mula menggunakan font lain seperti yang dapat dilihat di dalam gambar 3.6.

Berdasarkan gambar-gambar tersebut dinyatakan harga langganan kepada sesiapa yang berhasrat untuk melanggan majalah tersebut dengan kadar bayaran \$0.60 untuk dua buah keluaran (sebulan), \$1.80 untuk enam keluaran, \$3.60 untuk 12

3.6.

Berdasarkan gambar-gambar tersebut dinyatakan harga langganan kepada sesiapa yang berhasrat untuk melanggan majalah tersebut dengan kadar bayaran \$0.60 untuk dua buah keluaran (sebulan), \$1.80 untuk enam keluaran, \$3.60 untuk 12

keluaran dan \$7.20 untuk 24 keluaran atau langganan selama setahun seperti yang terdapat di dalam jadual yang telah pengkaji lampirkan ini.

## **5. Isi Kandungan Majalah al-Islah**

### **5.1 Jilid Satu**

Memandangkan majalah ini hanya diterbitkan sebanyak empat jilid, maka pengkaji akan membahagikan isi kandungan majalah ini dengan menggunakan kaedah jilid. Jilid pertama mula diterbitkan pada hari Ahad, 15 Februari 1970 M bersamaan 9 Zulhijjah 1389 H hingga Isnin, 1 Februari 1971 bersamaan 5 Zulhijjah 1390, sebanyak 24 keluaran.

Dalam keluaran yang pertama ini, antara ruangan yang diperkenalkan antaranya (i) Teropong Dari Ancheen Street oleh Tok Syeikh.<sup>331</sup>(ii) Dari Hati Ke Hati oleh Ibn Rawi sebagai pengasas majalah ini. (iii) Di Bawah Lindungan al-Quran oleh Al-Syed Ustaz Syed Qulub terjemahan Sallehuddin Abdullah.(iv) Ruangan Sabda Nabi Muhammad s.a.w. oleh al-Syeikh Abdul Fatah Badran yang diambil dari majalah *Utusan al-Azhār*. (v) Dari Perbendaharaan Islam oleh Almarhum Prof. Dr. Syeikh Mahmud Syaltut. (vi) Ruangan Tokoh Islam. (vii) Kisah Sandiwara oleh Ustaz Ali Ahmad Bakhtir terjemahan Ahmad Zaki Fadhil.Siaran dalam *al-Muslimūn*. (viii) Dari Lembaran Sejarah. (ix) Wanita Dan Dunianya. (x) Agama oleh Abu Zaki Fadhil. (xi) Perpustakaan Kita oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmi. (xii) Taman al-Islah oleh Pak Mujahid, dan (xiii) Seni Dan Sastera oleh Ibn Ariffin.Dan kebanyakan ruangan yang disediakan di awal penerbitan ini adalah bersifat tetap.

---

<sup>331</sup> Tok Syeikh (1970), “Teropong Dari Acheen Street”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1, jil.1, 15 Februari 1970/ 9 Zulhijjah 1389, h. 2.

**Jadual 3.1**  
**Ruangan Majalah Al-Islah Jil. 1 Bil. 1, Tahun 1970**

Tarikh	Kategori	Ruangan / Tajuk	Penulis
Ahad 15 Feb. 1970/ 9 Zulhijjah 1389	Umum	Teropong Dari Ancheen Street	Tok Syeikh
	Dari Hati Ke Hati	Al-Islah Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci	Ibn al-Rawi
	Di Bawah Lindungan Quran	Surah al-Fatihah	Al-Syed Ustaz Syed Qutub terjemahan Sallehuddin Abdullah
	Sabda Nabi Muhammad s.a.w.	Secebis Dari Pendidikan Islam	Syeikh Abdul Fatah Badran (Utusan al-Azhar)
	Dari Perbendaharaan Islam	Haji	Almarhum Prof. Dr. Syeikh Mahmud Syaltut
	Tokoh Islam	Kiai Haji Ahmad Dahlan – Bapa Pergerakan Muhammadiyah Dan Pahlawan Kemerdekaan Indonesia	Tiada Nama Pengarang
	Kisah Sandiwara	Al-Bait al-'Atiq	Ustaz Ali Ahmad Bakhtir terjemahan Ahmad Zaki Fadhil. Siaran dalam <i>al-Muslimūn</i> .
	Dari Lembaran Sejarah	Pergerakan Muhammadiyah Setengah Abad	Tiada Nama Pengarang
	Wanita Dan Dunianya	Balqis Permaisuri Nabi Sulaiman	Tiada Nama Pengarang
	Agama	Falsafah Takbir	Abu Zaki Fadhil
	Perpustakaan Kita	Simposium Tasawuf Dan Tariqat	Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy
	Taman al-Islah	Cerpen – Tahun Gajah	Pak Mujahid
	Seni Dan Sasatera	Jimi Asmara Dalam Kenangan Abadi	Ibn Ariffin

*Sumber: Majalah al-Islah jil. 1, bil.1, Tahun 1970*

Berdasarkan jadual di dalam keluaran yang pertama ini telah menggambarkan bahawa *Majalahal-Islah* bukan sahaja sebuah majalah berunsur agama tetapi juga sarat dengan pelbagai topik semasa seperti ruangan “Teropong Dari Acheen Street” yang gemar membincangkan keadaan sekeliling dan juga ruangan “Dari Perbendaharaan Islam” yang memaparkan rencana “Haji” sesuai dengan temanya yang pertama sempena menyambut ketibaan musim haji.

Keluaran kedua pula diterbitkan pada Ahad, 1 Mac 1970 M bersamaan 23 Zulhijjah 1389 H dengan ruangan yang sama namun tema yang berbeza. Apa yang menarik di dalam keluaran kedua ini, terdapat beberapa ruangan tambahan telah diwujudkan. Dan kebanyakan ruangan ini diwujudkan adalah bagi meraikan dan memberi peluang kepada para pembaca untuk memberikan komentar dan maklum balas mengenai keluaran sulungnya. Antara ruangan yang ditambah ialah ruangan “Dari Meja Pengarang”<sup>332</sup> yang mengulas secara ringkas mengenai tema yang dipilih bagi setiap keluaran. Selain itu, wujud juga ruangan khas “Tahniah Dan Doa Restu”<sup>333</sup> bagi memberi ruang kepada para pemimpin dan peminat *al-Islah* mengucapkan tahniah dengan kelahiran tengahbulanan *al-Islah* ini.

Bagi memantapkan lagi proses dakwah *al-Islah* ini, di dalam jil. 1, bil.3, Ahad, 15 Mac 1970/ 7 Muharram 1390 pula, mula mempelbagaikan ruangan kepada para pembacanya. Terdapat satu ruangan baru yang dinamakan ruangan “Majlis Dakwah Islamiah”. Di bawah tajuk “Adab Dan Peraturan Dalam Dakwah Islam”,<sup>334</sup> ruangan ini diadakan bertujuan untuk persediaan bagi calon-calon mubaligh dan mubaligh Islam yang berminat untuk menjadi mujahid dakwah menyebarkan agama Islam di seluruh pelusuk dunia. Ruangan ini juga memberikan beberapa panduan di dalam adab-adab dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam berdakwah. Ruangan ini diselia oleh mujahid dakwah Islamiah Tuan Haji Muhammad Nasir, pimpinan Dewan Dakwah Islamiah, Indonesia Pusat.

<sup>332</sup> Pengarang *al-Islah* (1970), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970/23 Zulhijjah 1389, h. 2.

<sup>333</sup> Selenggaraan Ibrahim Bitu (1970), “Kelahiran Tengahbulanan *al-Islah* Dialu-alukan: Semoga *al-Islah* Menjadi Pendamai Yang Adil”, *ibid.*, h. 13.

<sup>334</sup> Muhammad Nasir (1970), “Adab Dan Peraturan Dalam Dakwah Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.1, 15 Mac 1970/ 7 Muharram 1390, h. 9.

Di samping itu, diwujudkan juga ruangan “Tokoh Islam”, “Dari Perpustakaan Kita”, “Seni Dan Sastera”, “Taman al-Islah”, “Wanita Dan Dunianya” dan “Dari Lembaran Sejarah”. Selain itu, ruangan bersama pembaca juga diwujudkan seperti “Anda Dan Islah”, “Catatan al-Islah” dan “Keluarga al-Islah” yang lebih bersifat kesusasteraan. Para pembaca dialu-alukan untuk mengisi kekosongan ruangan tersebut dengan pelbagai bentuk karya sastera.

Di dalam bil. 9 pula, ruangan “Tokoh al-Islah”, sidang pengarang mempunyai alasan tersendiri untuk memilih Syeikh Haji Abu Bakar al-Asya’ari mengisi ruangan ini. Oleh itu, di bawah tajuk “Syeikh Haji Abu Bakar al-Asyaari Ulama Islam Yang Pernah Menggegarkan Fikiran Umat Islam Di Tanah Melayu”,<sup>335</sup> ia sebagai peringatan terakhir di atas jasanya kepada sejarah pergerakan islah di Perlis. Sidang Pengarang menyatakan bahawa pada 23 Mac 1970, almarhum Tuan Syeikh Abu Bakar al-Asyaari telah berkunjung ke Acheen Street bagi menyerahkan hasil tulisannya untuk bil. 5 mengenai “Al-Quran Kitab Suci Yang Diturunkan Allah Untuk Pertunjuk Jalan Dan Pedoman Bagi Orang-Orang Yang Beriman Dan Bertakwa”<sup>336</sup> dan berjanji akan menyambung tulisannya dari semasa ke semasa. Namun hasrat itu tidak kesampaian apabila beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada pagi Selasa 18 April 1970 di Port Dickson. Dengan ini ruangan ini tidak dapat disambung dan diganti dengan ruangan baru.

Di dalam keluaran akhir jilid pertama ini pula, terdapat beberapa rencana yang menarik untuk dikongsi bersama. Antaranya ruangan yang diselia oleh Tok Syeikh. Di dalam ruangan “Teropong Dari Acheen Street” ini, Tok Syeikh telah menerima sepucuk

<sup>335</sup> Ibadat Rasulullah Yang berani Dan Tajam penanya (1970), “Syeikh Haji Abu Bakar al-Asya’ari Ulama Islam Yang pernah Menggegarkan Fikiran Ummat Islam Di Tanah Melayu”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9, jil. 1, 15 Jun 1970/ 11 Rabiul Akhir 1390, h. 16.

<sup>336</sup> Syeikh Abu Bakar al-Asya’ari (1970), “Al-Quran Kitab Suci Yang Diturunkan Allah Untuk Pertunjuk Jalan Dan Pedoman Bagi Orang-Orang Yang Beriman Dan Bertakwa”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5, jil.1, 15 April 1970/8 Safar 1390, h. 15.

surat dari pembaca yang menyelitkan sebuah berita bertajuk “Melayu Mesti Ramai Anak”.<sup>337</sup> Berita ini adalah antara ucapan Perdana Menteri Tun Abdul Razak di dalam perhimpunan agong UMNO Malaysia. Menurutnya untuk menjadi kuat sebagai sebuah binaan yang kukuh seperti kaum lain, kaum Melayu digalakkan agar menambah bilangan anak.

Dan di dalam keluaran ke 24, tahun pertama ini, kelihatan *al-Islah* semakin berani melontarkan pelbagai persoalan berunsur politik. Contohnya Tok Syeikh mengulas pendapat seorang pemuda di dalam Sidang Agong Pemuda UMNO di ibu kota, di mana seorang pemuda dengan lantang bersuara mahukan di masa hadapan agar dasar-dasar yang dipegang oleh UMNO menjadi dasar kepada pihak kerajaan dalam mentadbir negara. Kelantangan suara pemuda itu, akhirnya menimbulkan ‘cakap belakang’ yang menyatakan “itu dasar UMNO sudah diselewengkan, sudah simpang banyak jauh”.<sup>338</sup> Bagi mengulas kenyataan itu, maka Tok Syeikh pun menulis di dalam ruangannya bertajuk “Banyak Kali 13 Mei Lagi”.

*“... lepas itu terang-terang kasi ingat: itu 13 Mei punya macam, nanti banyak kali lagi jadi, kalau jalankan itu kerajaan punya dasar, tidak jaga kepentingan orang Melayu”*.<sup>339</sup>

Begitu juga di dalam keluaran yang seterusnya, *al-Islah*cuba mewujudkan pelbagai ruangan baru bagi memenuhi kehendak pembacanya. Walaupun terdapat banyak lagi ruangan yang menarik, namun tajuk-tajuk tersebut akan menjadi objektif perbincangan pengkaji di dalam bab seterusnya. Di dalam bab ini, pengkaji hanya memperkenalkan *al-Islah* dari segi fizikal dan teknikal semata-mata termasuk ruangan yang diwujudkan di dalam majalah ini.

<sup>337</sup> Tok Syeikh (1971), “Melayu Mesti Ramai Anak”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 23 & 24, jil. 1, 1 Februari 1971/ 5 Zulhijjah 1390, h. 2.

<sup>338</sup> Tok Syeikh (1971), “Dasar UMNO Sudah Diselewengkan”, *ibid*.

<sup>339</sup> Tok Syeikh (1971) “Banyak Kali 13 Mei Lagi”. *Ibid*.

Dari segi kekerapan pula, di tahun pertama ini sebanyak 22 keluaran telah diterbitkan. Dalam 22 keluaran ini, pengkaji akan membahagikan satu jilid kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah enam bulan pertama bermula bil.1 hingga bil. 11. Dalam enam bulan pertama berjalan dengan lancar. Sebanyak sebelas keluaran berjaya diterbitkan dari bilangan yang pertama hingga bilangan sebelas. Enam bulan yang pertama ini, saya kelaskan kepada 20 ruangan yang terdiri daripada kategori Umum,<sup>340</sup> Dari Hati Ke Hati, Di Bawah Lindungan al-Quran, Sabda Nabi Muhammad s.a.w., Tokoh Islam dan Tokoh Islah, Dari Lembaran Sejarah, Wanita Dan Dunianya, Agama dan Akhlak, Taman al-Islah/Keluarga al-Islah/Anda Dan al-Islah/Catatan al-Islah/Cerpen al-Islah/Kisah Sandiwara, Seni Dan Sastera, Tahniah Dan Doa Restu/Sekadar Memperkenalkan, Majlis Dakwah al-Islamiah, Berkenallah Dengan Saudara-Saudaramu/Berita Luar Negara, Bentuk Program al-Quran, Sosial, Pendidikan Politik, Sedutan Dari Buku Yang Akan Terbit dan ruangan Jihad dan Islah.

Manakala keluaran bagi enam bulan yang kedua menunjukkan berlaku beberapa ruangan tambahan. Antaranya ruangan Ekonomi, Dewan Diskusi al-Islah dan Wau Bicara Dengan Fadhilah Syeikh Muhammad Abu Tarhah. Sungguhpun begitu, keluaran enam bulan kedua ini, penerbitannya dilihat agak kurang lancar kerana terdapat penggabungan dua bilangan ke dalam satu keluaran iaitu bil. 20 & 21 dan bil.23 & 24.

Bagi bil.20 dan 21 tidak dinyatakan mengapa keluaran ini bergabung. Cuma apa yang dapat pengkaji andaikan, mungkin syarikat penerbitan bercuti seketika bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Ini berdasarkan tarikh keluaran *al-Islah* jil.1, bil. 19 iaitu sebelum tibanya sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada 15 Nov 1970 bersamaan 16 Ramadhan 1390 dan jil. 1, bil. 20 & 21 diterbitkan selepas sambutan Hari

---

<sup>340</sup>Kategori “Umum” ini pengkaji masukkan juga ruangan “Teropong Dari Acheen Street” dan Dari Meja Pengarang”.

Raya Aidil Fitri iaitu pada 15 Dis 1970 bersamaan 16 Syawal 1390. Namun bilangan halaman masih lagi sama iaitu 20 halaman. Di dalam jil.1, bil. 23 dan 24 ini pula bergabung kerana terdapat masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. Proses memperbaharui lesen agak tergendala. Oleh itu warga *al-Islah* membuat permohonan maaf kepada para pembaca kerana keluaran Januari tidak dapat dikeluarkan atas sebab tertentu.

*“Dengan dukacita diumumkan bahawa al-Islah keluaran pada 15 Januari, menjadi tertunda kerana permit (KDN) bagi tahun 1971 terlewat diterima. Walaubagaimanapun bersyukurlah. Dan bilangan ini terpaksalah dijadikan bilangan merangkap 23-24”*.<sup>341</sup>

## 5.2 Jilid Dua

Bagi jilid kedua, keluaran ini bermula pada jil.2, bil.1, Isnin 15 Februari 1971/ 19 Zulhijjah 1390 hingga Selasa 1 Februari 1972/ 15 Zulhijjah 1391 dengan 24 keluaran. Ruangan-ruangan tetap seperti “Dari Meja Pengarang”, “Teropong Dari Acheen Street”, “Dari Hati Ke Hati”, “Sabda Nabi Muhamad s.a.w.”, dan “Di Bawah Lindungan al-Quran” masih dipaparkan untuk santapan pembaca *al-Islah*. Sungguhpun begitu, *al-Islah* cuba memberikan sedikit kelainan di dalam tahun keduanya ini.

Antara pembaharuan yang dapat kita lihat ialah pada kulit depan majalah. Ketua pengarang cuba mencari kelainan di dalam keluaran jilid kedua ini. Di mana seperti yang pengkaji bentangkan sebelum ini, perkataan *al-Islah* telah ditulis di dalam bentuk bulatan seperti sebuah lencana yang dikelilingi dengan surah Hud ayat 88.

---

<sup>341</sup>Pengarang *al-Islah* (1971), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 23 & 24, jil.1, 1 Februari 1971/ 5 Zulhijjah 1390, h. 2.

Gambar 3.7: Kulit Depan Majalah al-Islah



Sumber : Majalah al-Islah, Jilid 1, Bil 1, 15 Februari 1970

Gambar 3.8: Kulit Depan Majalah al-Islah



Sumber: Majalah al-Islah, Jilid 2, Bil. 1, 15 Februari 1971

Gambar 3.9:Kulit Depan Majalah al-Islah



Sumber: *Majalah al-Islah*, Jilid 2, Bil. 2, 1 Mac 1971.

Gambar 3.7 adalah kulit depan bagi jilid pertama *al-Islah*. Bagi gambar 3.8, jil.2, bil.1, dan gambar 3.9 pula jil.2 bil 2, adalah pembaharuan yang telah dilakukan oleh sidang pengarang di mana perkataan *al-Islah* dalam Jawi telah diletakkan di dalam bulatan dengan menggunakan khat *thuluth* tanpa menggunakan baris seperti keluaran sebelum ini. Manakala perkataan *al-Islah* di dalam tulisan Rumi masih lagi dikekalkan. Begitu juga dengan ayat al-Quran di dalam surah Hud. Sungguhpun begitu, masih terdapat perubahan yang dilakukan oleh ketua editor pada bil.2 ini. Di mana, di dalam bil.2, terdapat cop-cop segi empat yang ditulis perkataan *al-Islah*.

Seajar dengan perkembangannya di dalam tahun kedua ini, *al-Islah* mengorak selangkah lagi. Pengedarannya telah melepassi tanah seberang. Pasaran *al-Islah* mulai diterima oleh pembaca dari Singapura. Jika sebelum ini hanya dipamerkan alamat pejabat dan penerbit di sekitar Pulau Pinang, kini mulai jil.2, bil. 1, ketua pengarang mula menyelitkan alamatnya di Singapura di halaman terakhir setiap keluaran yang

diselia oleh d/a Yusof bin H. Hashim, 1027 Geylang Road, Singapura 14 bagi tujuan langganan.

**Jadual 3.2**  
**Ruangan Majalah Al-Islah Jil. 2 Bil. 1, Tahun 1971**

Tarikh	Kategori	Ruangan / Tajuk	Penulis
Isnin 15 Februari 1971/ 19 Zulhijjah 1390	Umum	Dari Meja Pengarang	Pengarang al-Islah
	Umum	Teropong Dari Acheen Street : Mudah-Mudahan Baik Belaka	Tok Syeikh
	Dari Hati Ke Hati	Revolusi	Ibn al-Rawi
	Sabda Nabi Muhammad s.a.w.	Contoh Cara Hidup Islam	Syeikh Ali Abdul Mun'im Abdul Hamid dipetik dari majalah al-Wa'e al-Islamiah, Kuwait.
	Di Bawah Lindungan al-Quran	Tafsir Surah al-Alaq	Syeikh Ustaz Syed Qutub
	Agama	Al-Quran Membentangkan Alam Sebagai Manifestasi Iman	Abdul Hadi
	Umum	Pengertian Ahl Sunnah Wal Jamaah (2)	Jarnawi Hadi Kesuma
	Umum	Pakatan Jahat Yahudi : Konspirasi Menguasai Alam Sejagat (8)	Misbah al-Islam Faruqi alihbahasa oleh Haji Yusof Rawi
	Agama	Apakah Benar Islam Menekan?	Ismail Awang
	Jihad	Tajdid Di Dalam Agama : Pertarungan Dari Segi Fikiran Dan Sejarah Di Antara Islam Dan Jahiliyah (1)	Ustaz Hasan Salih
	Petikan Dari Buku	Pembentukan Masyarakat Islam	Syeikh Syed Qutub
	Agama	Kenapa Beragama	Prof. Dr. Syed Zafarul Hasan alihbahasa Muhammad Najib Yusof
	Pendidikan	Peranan Pelajar : Membina Masa Depan Islam	Abu al-A'la al-Maududi alihbahasa Jaliluddin Melaka
	Minbar Penyair	Sajak : Aku Musafir Di Sebuah Masjid, Di Bawah Naungan Masjid Allah	Jauhari Ahmad, J.M. al-Rusydi

*Sumber: Majalah al-Islah, jil. 2, bil 1, Tahun 1971*

Bagi keluaran kali ini bahang pilihanraya semakin dirasai di tanah air kita. Perbincangan mengenai arena politik semakin rancak diperkatakan terutamanya didalam ruangan “Teropong Dari Acheen Street” yang dikelola oleh Tok Syeikh yang begitu setia dengan *al-Islah*. Contohnya seperti yang dapat kita lihat di dalam jil.2, bil.1 yang memberikan sedikit info tentang kegiatan yang direncanakan oleh UMNO dengan penubuhan beberapa buah biro dari biro berunsur politik hinggalah kepada biro berunsur agama.

Isu dakwah juga semakin rancak mendapat tempat di dalam usaha menyebarkan agama Islam di Malaysia. Pelbagai rencana cuba ditonjolkan di dalam ruangan Dakwah Islamiah antaranya rencana di dalam jil. 2, bil.2 berjudul “Ke Hutan Belantara Ke Rumah Pelacuran Menjalankan Dakwah”.<sup>342</sup> Di dalam rencana ini Pena Emas menyatakan sepanjang yang diketahuinya pertubuhan-pertubuhan dakwah Islam di Malaysia begitu jarang sekali mengeluarkan risalah-risalah penerangan mengenai agama Islam, dan jika ada pun penyebaran agak begitu terhad sekali.

Begitu juga saudara Yaakob bin Haji Hasan B.A. mempersembahkan di dalam bil. 2 dan bil. 4, satu kertas kerja bertajuk “Dakwah Islam Dalam Realisme Baru Di Malaysia”<sup>343</sup> yang banyak mengupas tentang fungsi dakwah Islamiah dalam realisme baru di negara kita Malaysia sebagai sebuah gerakan amal bernafaskan Islam dan bercorak dakwah serta peranan yang perlu dimainkan oleh majlis-majlis agama Islam negeri dalam menjalankan usaha-usaha amal yang nyata di samping memiliki sumber kewangan yang mencukupi. Isu-isu yang diketengahkan pada bil.2 ini amat bertepatan sekali dengan temanya yang berunsur dakwah Islamiah.

---

<sup>342</sup> Pena Emas (1971), “Ke Hutan Belantara Ke Rumah Pelacuran Menjalankan Dakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 2, jil.2, Isnin 1 Mac 1971/ 4 Muharram 1391, h. 8.

<sup>343</sup> Yaakob bin Haji Hasan B.A (1971), “Dakwah Islam Dalam Realisme Baru Di Malaysia”, *ibid.*, h. 10 & 11.

Di dalam bil.5 pula, terdapat beberapa isu yang menarik untuk diketengahkan. Bersempena menyambut bulan Safar, maka sidang pengarang telah memuatkan sebuah rencana bertajuk “3 Tragedi Safar”<sup>344</sup> yang ditulis oleh saudara Abu Abdul Latif. Di dalam rencana ini, pengarang cuba menyangkal unsur-unsur syirik yang banyak dilakukan di penghujung bulan Safar seperti acara mandi manda (mandi safar) dan bertemasya di pantai dengan pergaulan yang agak bebas kononnya untuk menolak bala. Jadi melalui rencana ini, pengarang memberikan sedikit info dengan menyelitkan beberapa pendapat para mukmin yang berpegang teguh kepada akidah Islamiah bagi menyangkal persoalan ini. Di samping itu juga, pengarang mencatatkan semula tiga tragedi bersejarah umat Islam yang telah berlaku di sepanjang bulan Safar.

Mengenai hukum pula, terdapat dua buah rencana yang disiarkan di dalam bil.5 ini. Yang pertama rencana lanjutan dari bil.4 bertajuk “Rahsia Di Sebalik Pengharaman Arak”.<sup>345</sup> Rencana ini menerangkan tentang hukum dan hikmah kepada pengharaman arak. Dan satu lagi artikel mengenai “Membunuh Diri Dan Berputus Asa”.<sup>346</sup> Ada di kalangan masyarakat yang memandang terlampau prasangka terhadap sesuatu ujian yang menimpa terhadap dirinya, lalu berputus asa dan mengambil jalan mudah dengan membunuh diri. Jadi di dalam keluaran ini sidang pengarang menyatakan ketelanjurannya memperkatakan tentang isu nahas dan bala dalam bulan Safar ini, Ustaz Mohd Fauzi Haji Awang terpanggil untuk menulis sebuah rencana yang diceramahkan menerusi radio Malaysia, Kota Bharu Kelantan mengenai hukum dan pandangan Islam terhadap perbuatan berputus asa dan membunuh diri.

<sup>344</sup> Saudara Abu Abdul Latif (1971), “3 Tragedi Safar”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5, jil. 2, 15 April 1971/ 19 Safar 1391, h. 2.

<sup>345</sup> Muhammad Yusof Hazami Yaakob (1971), “Rahsia Di Sebalik Pengharaman Arak”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 4, jil. 2, 1 April 1971/ 5 Safar 1391, h. 7-8.

<sup>346</sup> Ustaz Mohd Fauzi Haji Awang (1971), “Larangan Membunuh Diri Dan Berputus Asa”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5, jil. 2, 15 April 1971/ 19 Safar 1391, h. 6.

Di dalam bil.8 pula, dalam siri Cara Hidup Islam, Abu A'la al-Maududi telah membentangkan sebuah rencana bertajuk “Susunan Kemasyarakatan Islam”.<sup>347</sup> Dalam rencananya kali ini, beliau menegaskan bahawa Islam memandang serius kepada golongan belia yang masih membujang hingga lanjut usia. Malah Islam menyeru agar muda mudi memikul tanggungjawab kemasyarakatan dalam bentuk kehidupan berumahtangga, sebagaimana yang dilakukan oleh ibu bapa kita sebelum ini. Islam bukan sahaja menganggap menahan diri dan membujang yang memanjang itu sebagai tidak baik, malah ia merupakan satu penyimpangan dan penyelewengan daripada sifat tabi'e manusia yang sebenar, dan sebagai satu percanggahan terhadap satu skema yang disunnahkan oleh Tuhan.

Di dalam bil. 8 ini juga, terdapat satu lagi tajuk yang menarik untuk dikongsi berjudul “Tinjauan Reformasi Dalam Islam Ialah: Modenisasi, Islamisasi Dalam Bidang Hukum, Pendidikan Dan Kebudayaan”<sup>348</sup> yang ditulis oleh Saudara Yaakob Haji Abu Hasan. Menurutnya dalam merealisasikan reformasi itu, unsur modenisasi dan proses Islamisasi itu perlulah bersifat menyeluruh meliputi aspek perundangan, pendidikan dan kebudayaan. Apabila segalanya terangkum di dalam satu panji Islam, maka barulah terlaksananya sebuah negara dengan asas-asas pembaharuan berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.

Dalam bil 9 pula, sekali lagi di dalam ruangan hasil seliaan Abu al-A'la Maududi berjudul “Dakwah Islamiah Di Malaysia Barat”,<sup>349</sup> beliau mengesyorkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam undang-undang Islam dan pakar-pakar undang-undang Barat, agar dapat disemak dan

<sup>347</sup> Abu A'la al-Maududi (1971), “Susunan Kemasyarakatan Islam”, Ustaz Baharuddin Abdul Latif(terj.), *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 2, 1 Jun 1971/ 7 Rabiul Akhir 1391, h 12 & 13.

<sup>348</sup> Yaakob Haji Abu Hasan (1971), “Tinjauan Reformasi Dalam Islam Ialah: Modenisasi, Islamisasi Dalam Bidang Hukum, Pendidikan Dan Kebudayaan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7 & 8, jil. 2, 15 Mei 1971/ 20 Rabiul Awal 1391 & 1 Jun 1971/ 7 Rabiul Akhir 1391, h. 12 & 16.

<sup>349</sup> Abu al-A'la al-Maududi (1971), “akwah Islamiah Di Malaysia Barat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9, jil. 2, 15 Jun 1971/ 21 Rabiul Akhir 1391, h. 8 & 14.

dikaji semula sejauh manakah undang-undang Barat yang digunakan pada ketika itu bersesuaian dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat termaktub dalam Perlembagaan bahawa Islam sebagai agama rasmi.

Manakala bermula bil.12, *al-Islah* mulai membicarakan tentang isu filem-filem berunsur seks yang semakin hangat diperkatakan umum. Dengan kesempatan ini, Ibn Rawi dan beberapa penulis lain telah menulis beberapa buah rencana sebagai proses pendidikan dan tanda protes terhadap kebanjiran filem-filem lucu di persada tanah air. Antara rencana yang diterbitkan kali ini ialah “Meningkah Gema Tayangan Filem X”<sup>350</sup> oleh Ibn Rawi, dan di dalam ruangan Pendidikan Seksual dihidangkan “Pendidikan Kejantinaan Di Dalam Islam”<sup>351</sup> oleh Ustaz Fatithie Yakin dari Hadarah al-Islam, dan tidak ketinggalan juga ruangan Teropong Dari Acheen Street oleh Tok Syeikh yang turut memprotes kemunculan filem-filem yang menjadikan perempuan sebagai simbol seks di dalam kupasannya bertajuk “Bersikap liberal, Protes, Sesuai Sama Dasar, Macam Negeri Barat, dan Hak Dan Kewajipan”.<sup>352</sup>

Seterusnya kita lihat di dalam bil.14 & 15 di mana terdapat sedikit kesilapan yang dilakukan oleh *al-Islah*. Di dapat keluaran kali ini bilangannya telah bergabung sekali lagi. Berdasarkan pengumuman yang dibuat oleh *al-Islah* di dalam keluaran ini, pihak penerbit hanya menyatakan pernyataan maaf namun tidak dinyatakan sebab-sebab

---

<sup>350</sup>Ibn Rawi (1971), “Meningkah Gema Filem X”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil.2, 1 Ogos 1971/ 10 Jamadil Akhir 1391, h. 3.

<sup>351</sup>Ustaz Fatithie Yakin (1971), “Pendidikan Kejantinaan Di Dalam Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil. 2, 1 Ogos 1971/ 10Jamadil Akhir 1391, h. 18 & 19.

<sup>352</sup> Di dalam ruangan “Bersikap Liberal”, Tok Syeikh mengulas pendapat yang dikemukakan oleh Senator Aisyah Ghani yang menyatakan kita seharusnya bersikap liberal terhadap kehadiran filem-filem x walaupun ianya boleh mendatangkan keburukan kepada masyarakatnya. Protes: Tok Syeikh menyokong kenyataan yang diberikan oleh Puan Izzah Aziz yang menyatakan bahwa adalah suatu penghinaan yang besar terhadap kaum wanita apabila dengan sewenang-wenangnya menggunakan wanita separuh bogel sebagai memenuhi tuntutan ramai. Dan Puan Izzah juga menyifatkan Lembaga Penapis Filem Negara telah gagal dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada agama dan negaranya. Oleh itu, Puan Izzah menyarankan agar kaum wanita menubuhkan satu pertubuhan wanita bagi memprotes tindakan ini bagi menjamin nasib kaum wanita yang selalu menjadi barang dagangan. Sesuai Sama Dasar: Tok Syeikh agak menyindir dengan kenyataan yang dikemukakan oleh al-Fadhilah Tuan Mufti Negeri Selangor, Dato’ Haji Ghazali bin Abdullah yang menyarankan agar pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap kemunculan filem-filem seks agar sesuai dengan dasar kerajaan. Menurut Tok Syeikh, apakah dasar yang dimaksudkan oleh mufti Selangor itu, adakah ianya dasar liberal yang disarankan oleh Senator Aisyah Ghani itu?. Begitu juga tajuk “Macam Negeri Barat” dan “Hak Dan Kewajipan” turut mengulas mengenai kemunculan filem-filem x. Lihat lanjut Tok Syeikh (1971), “Teropong Dari Acheen Street: Bersikap Liberal, Protes, Sesuai Sama Dasar, Macam Negeri Barat, Hak Dan Kewajipan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil.2, 1 Ogos 1971/ 10 Jamadil Akhir 1391, h. 2.

tertentu mengapa keluaran kali ini bergabung. Di samping itu terdapat beberapa kesilapan ejaan akibat terlepas pandang dari pihak penerbitan.

*“Pengumuman. (1) Oleh kerana suatu sebab yang tak dapat dielakkan, sehingga al-Islah bil. 14 yang sepatutnya keluar pada 1 September 1971, terpaksa diundurkan kepada 15 September 1971, maka keluaran ini akan menjadi keluaran merangkap bil. 14 & 15. (2) Di harap kepada pihak pembaca sebelum membaca bilangan ini lebih dahulu menatap pembetulan kesilapan, kerana pada bilangan ini, kesilpaan masih berlaku. Hal ini sangat mendukacitakan dan harap maaf.”<sup>353</sup>*

Di samping itu, keluaran ini juga terdapat sedikit kesilapan cetak yang telah dibetulkan oleh pihak penerbitan. Antaranya perkataan masa (عاص) (Masas) dicetak asa (اس)،

lebah (لبه) dicetak lebih (أرغم) (Arram), orang (LBه) dicetak arrang (ارڠ) dan sebagainya.

Dan di halaman 13, di dalam ruangan ke-3, mulai daripada barisan 1 hingga 6 juga terdapat kesalahan dan yang betulnya ialah seperti berikut: “Ibadat yang akan menambah taqrib (dekat) seseorang itu kepada Allah. Manfaat dari usaha-usaha tersebut akan sama dapat dinikmati oleh manusia seluruhnya”.<sup>354</sup>

Dan seterusnya terdapat beberapa buah tajuk penting yang wajar kita kongsikan di dalam bab ini. Antaranya di dalam bil. 17, bertajuk ”Keperibadian Kepimpinan Dalam Islam oleh Ismail Awang, “Cara Hidup Islam: Asas-Asas Ekonomi Islam” oleh Abu al-A’la al-Maududi alihbahasa Burhanuddin Abdu Latif.<sup>355</sup> Di mana menurutnya Islam telah meletakkan beberapa asas dan menentukan batas-batas tertentu di dalam aktiviti kegiatan ekonomi di dalam seluruh bentuk pengeluaran, pertukaran dan pembahagian kekayaan harus selaras dengan ukuran keadilan dan persamaan Islam. Dan di dalam bil. 20, terdapat satu isu hangat telah diperbincangkan di dalam majalah ini. Di

<sup>353</sup> Sidang Pengarang (1971), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 14 & 15, jil. 2, 15 September 1971/ 25 Rejab 1391, h. 2.

<sup>354</sup> Ibid.

<sup>355</sup> Abu al-A’la al-Maududi (1971), “Cara Hidup Islam: Asas-Asas Ekonomi Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 17, jil. 2, 15 Oktober 1971/25 Syaaban 1391, h. 12.

mana Tok Syeikh telah mengulas beberapa pendapat yang dikemukakan berkenaan penetapan tarikh permulaan puasa dan sambutan Hari Raya Aidil Fitri di Malaysia. Ramai yang menyuarakan rasa kekesalan di atas kekeliruan tersebut. Tindakan ini menyebabkan ramai yang tidak dapat menunaikan solat sunat raya pada tahun itu dan segala tindakan tegas diambil sekiranya ada pihak yang tidak mahu mematuhi fatwa yang telah ditetapkan itu. Ini antara petikan yang dikupas oleh Tok Syeikh di dalam beberapa buah akhbar tempatan.

*“Patuhinya Fatwa Yang Berkuasa Agama”, seru pengarang Berita Harian...pihak yang berkuasa agama negeri ini adalah bertanggungjawab bagi semua keputusan yang dibuat oleh mereka. Rakyat hendaklah patuhi keputusan ini kerana sekiranya silap sekalipun maka pihak yang berkuasa agama itulah yang akan menanggung dosanya. Barangkali tindakan yang sebaiknya ialah memberi penerangan yang jelas mengenai peranan dan tanggungjawab pihak yang berkuasa agama dan peranan serta tanggungjawab rakyat yang beragama Islam dan menyesuaikan keputusan-keputusan yang dibuat supaya tidak ternampak bercanggah atau berlawan...”<sup>356</sup>.*

Menurut seorang pembaca dari Tualang Sekah, Malim Nawar melalui suratnya kepada *al-Islah* melahirkan rasa kecewa kerana sudah dua tahun tidak dapat menunaikan sembahyang hari raya bersabit dengan keputusan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengumumkan ketetapan hari raya. Tambah runcing lagi apabila penduduk kampung juga telah berpecah akibat dari fatwa tersebut. Dan tidak kurangnya juga tindakan undang-undang telah diambil oleh mahkamah syariah bagi negeri Perak. Mengikut Undang-undang Pentadbiran Negeri Perak bahagian (151) kepada sesiapa yang ingkar akan titah perintah yang sah dari Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan awal Ramadhan atau Hari Raya Fitrah boleh dihukum denda \$50.00 atau tak lebih 15 hari penjara.

---

<sup>356</sup> Tok Syeikh (1971), “Gara-Gara Berhari Raya”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 20, jil.2, 1 Disember 1971/ 12 Syawal 1931, h. 2.

Di dalam artikel “Menyambut Hari Raya Haji”,<sup>357</sup> saudara Abdul Majid Haji Khatib berkata bahawa umat Islam pada masa kini telah menjadi lemah. Pertelingkahan dan persengketaan yang berpanjangan membuatkan umat Islam menjadi lemah dan hina. Akibat perpecahan itu, umat Islam tidak berupaya untuk merebut kembali Baitul Maqdis dari tangan Yahudi, kebakaran Masjid al-Aqsa tidak dapat dituntut bela dan sebagainya. Tanpa adanya kesedaran untuk bersatu, umat Islam sentiasa dipandang dihina oleh pelbagai agama. Seterusnya walaupun terdapat rencana-rencana yang menarik, namun pengkaji tidak mengupas panjang di dalam bab ini. Bab ini hanya sekadar memberi pengenalan kepada topik-topik yang menjadi agenda *al-Islah*.

### **Jadual 3.3 Ruangan Majalah Al-Islah Jil. 2 Bil. 24, Tahun 1972**

<b>Tarikh</b>	<b>Kategori</b>	<b>Ruangan / Tajuk</b>	<b>Penulis</b>
Selasa 1 Februari 1972/ 15 Zulhijjah 1391	Umum	Dari Meja Pengarang	Pengarang al-Islah
	Umum	Teropong Dari Ancheen Street: Pertandingan Yang Tidak Dirasmikan	Tok Syeikh
	Dari Hati Ke Hati	Di Sebalik Amalan Haji	Ibn al-Rawi
	Agama	Di Antara Rahsia-Rahsia Haji, Qurban Dan Hari Raya	Abi Nukman al-Muhajar
	Di Bawah Lindungan al-Quran	Tafsir Surah al-Takathur	Syeikh Ustaz Syed Qutub
	Sabda Nabi Muhammad s.a.w.	Islam Memerangi Kekarutan Dan Menggariskan Kesihatan	Ali Abdul Mun'im Abdul Hamid dari al-Wa'l al-Islami, Kuwait.
	Masyarakat	Melayu Dengan Ajaran-Ajaran Islam	Abdul Majid Haji Khatib
	Akidah	Akidah Islam Menerusi Politik (bhgn 2)	Wan Mustafa Rasyidi
	Umum	Umat Yang Satu	Imam al-Syed Hassan al-Banna dari <i>al-Muslimūn</i>
	Wanita Dan Peranannya	Aisyah Ummul Mukminin (bil. 10)	Ibu Asma' Rangkuti
	Cara Hidup Islam	Sistem Kerohanian Islam	Abu al-A'la al-Maududi

<sup>357</sup> Abdul Majid Haji Khatib (1972), “Menyambut Hari Raya Haji”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 23, jil.2, 15 Januari 1972/ 28 Zulkaedah 1391, h. 8 & 9.

	Agama	Dari Jahiliah Kepada Islam	Samahah al-Ustaz Syed Abi Husin Ali al-Husni al-Nadwi alih bahasa oleh Haji Muhammad Tahir Daeng Mangkuti
	Minbar Penyair	Sajak : Dalam Restu	S. Ahmad

*Sumber: Majalah al-Islah jil. 2, bil 24, Tahun 1972*

Manakala di dalam keluaran terakhirnya pula, iaitu bil.24 *al-Islah* meneruskan lagi penerbitannya dengan pelbagai isu yang menarik seperti yang dipaparkan di dalam jadual 3.3.Melalui tema musim haji, beberapa rencana telah disiarkan antaranya “Di Sebalik Amalan Haji” oleh Ibn Rawi, dan “Di Antara Rahsia-Rahsia Haji dan Qurban Dan Hari Raya oleh Abi Nukman al-Muhajar yang mengupas mengenai persoalan haji dan Hari Raya Aidil Adha. Di samping itu, Abdul Majid Haji Khatib di dalam tulisannya bertajuk “Melayu Dengan Ajaran-Ajaran Islam” telah mengupas dengan lanjut pegangan-pegangan masyarakat Melayu yang agak bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.Jadi melalui penulisannya ini, beliau mengajak dan memberi penyedaran kepada masyarakat Melayu agar kembali berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar.

Berdasarkan kekerapan ruangan yang diterbitkan pula terdapat beberapa perubahan yang dapat dilihat oleh pengkaji.Antaranya terdapat beberapa ruangan yang tidak lagi diwujudkan bermula bil.1 hingga 24 ini. Antara ruangan yang tiada ialah ruangan Dari Perbendaharaan Islam/Perpustakaan Kita, Dari Lembaran Sejarah/Detik Dan Peristiwa, Seni Dan Sastera, Majlis Dakwah Islamiah, Dewan Diskusi al-Islah, dan Wau Bicara Fadhilah Syeikh Muhammad Abu Tarhah. Manakala ruangan Berkenallah Dengan Saudara-Saudaramu di sambung keluarannya dalam jil. 2, bil. 13.

Bagi bil.13 hingga bil. 24 pula, antara ruangan yang tidak lagi diwujudkan selain yang disebutkan di atas, antaranya Tokoh Islam/Tokoh Islah/ Ensiklopedia al-

Islah, Bentuk Program al-Quran/ Hidangan Dari al-Quran/Kisah al-Quran, Sedutan Dari Buku Yang Akan Terbit/ Petikan Dari Buku/ Ulasan Kitab Mat Kilau, Jihad/Tajdid/Islah dan Sirah Nabi. Menurut andaian pengkaji, ruangan-ruangan ini tidak diwujudkan lagi kerana kemungkinan besar ia hanya bersifat sementara tidak seperti ruangan tetap seperti Teropong Dari Acheen Street, Dari Hati Ke Hati, Sabda Nabi dan Minbar Penyair.

### **5.3 Jilid Tiga**

Di dalam jilid ketiga, pengkaji menghadapi masalah untuk menemuinya. Setakat yang ditemui koleksi *al-Islah* ini berada di dalam simpanan peribadi En. Faisal Abdul Hamid, pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya. Selain itu, naskhah ini juga berada di dalam koleksi Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya (BP 1 IS) yang agak lengkap berbanding koleksi di bawah simpanan En. Faisal yang hanya memiliki jil.1, dari bil.1 hingga bil.24 dan jil.2 dari bil.1 hingga bil.2 sahaja.

Manakala di Perpustakaan Negara juga tersimpan koleksi majalah ini disimpan sebagai koleksi peribadi namun juga tidak begitu lengkap. Dan melalui temubual dengan anak beliau, Mujahid Haji Yusof Rawa pada 11 Oktober 2010 menyatakan beliau tidak pasti bahawa majalah tersebut masih mempunyai koleksi yang sempurna atau tidak kerana syarikat percetakan tersebut tidak ada yang menjaganya.<sup>358</sup>

### **5.4 Jilid Empat**

*Al-Islah* meneruskan lagi perjuangannya dalam berdakwah kepada umat Islam. *Al-Islah* berazam untuk menyumbang khidmat pengembeling kerohanian dalam menghadapi negara yang semakin meningkat maju ini.


---

<sup>358</sup>Perbualan telefon antara pengkaji dengan Dr. Muhamid Haji Yusof Rawa pada 11 Oktober 2010 jam 12.00 tengahari.

“Azam kami meneruskan terbitannya al-Islah ini demi kepentingan berdakwah Islamiah dengan harapan dapat menyumbang khidmat – walaupun sedikit sekali – terhadap pengembelingan rohani masyarakat di dalam negara kita yang sedang maju membangun ini. Memadailah bagi kami apa yang telah dijanjikan oleh junjungan kita Muhammad s.a.w. “Bahawa kiranya- dengan usaha engkau- tuhan memberi petunjuk kepada seseorang, itu lebih baik – di sisi tuhan bagi engkau daripada apa jua yang terbit dan tenggelam matahari di atasnya”. Riwayat al-Tabarani”.<sup>359</sup>

Di dalam jil.4, sesuai dengan usianya menjangkau tahun ketiga, keluaran kali ini menampakkan perubahan yang besar dari segi struktur dan isi kandungannya. Terlebih dahulu pengkajiakan menyentuh mengenai segi fizikal. Seperti yang dapat kita lihat, di dalam jil.4, bil. 1, kulit depan *al-Islah* telah berubah wajah.


**Gambar 3.10 Kulit Depan Majalah al-Islah**



*Sumber: Majalah al-Islah, Jilid 4, Bil. 1, 15 Februari/1 Mac 1973*

<sup>359</sup> Sidang Pengarang (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Feb/ 1 Mac 1973 & 11/26 Muharram 1393, h. 2.

Gambar 3.11: Kulit Depan Majalah al-Islah



Sumber: Majalah al-Islah, Jilid 4, Bil. 3 & 4, 15 Mac/1 April 1973

Berdasarkan gambar 3.10 dan 3.11 di atas, terdapat beberapa perubahan yang dilakukan oleh sidang pengarang. Antara perubahan yang dapat kita perhatikan pada kulit hadapan. Latar belakangnya tidak lagi menggunakan cop (simbol) *Islah* seperti keluaran pada sebelum ini. Walaupun perkataan *al-Islah*(Jawi) masih ditulis di dalam bulatan, namun terdapat sedikit perbezaan seperti yang dapat dilihat di atas. Dalam keluaran bil. 1 & 2, penyataan harga dan nombor KDN diletakkan di dalam petak melintang, (gambar 3.10) namun mulai keluaran bil. 3 & 4, petak harga dan petak KDN diletakkan berasingan di kedua-dua belah perkataan *al-Islah* (gambar 3.11). Ini menunjukkan ketidakselarasan di dalam keluaran jil.4 ini.

Dari segi saiz pula, mulai jil.4 ini *al-Islah* tidak lagi berbentuk tabloid, sebaliknya berukuran lebih kecil iaitu 11 x 7 ¾ inci. Perubahan saiz ini adalah bagi memenuhi permintaan para pembaca dan supaya mudah untuk dijilid kelak. Namun *al-Islah* masih menggunakan surah Hud sebagai motto perjuangan.

Antara perubahan lain ialah bilangan halaman telah bertambah dari 20 halaman kepada 32 halaman dengan harga yang sama iaitu 30 sen senaskhah. Pertambahan bilangan halaman ini mungkin kerana setiap keluaran digabungkan bilangannya, seperti bil.1 & 2, bil.3 & 4, bil.5 & 6 dan seterusnya. Dari segi kecenderungan – jika sebelum ini, keluarannya banyak sirinya bersambung, namun kini artikel yang ditulis agak panjang hingga memuatkan 3 halaman dalam satu keluaran. Menurut pendapat pengkaji jil.4 ini agak kurang menarik kerana banyak fakta dan rencana yang agak panjang tanpa ada selingan berbentuk hiburan.

Penerbit masih lagi Tuan Haji Yusof ar-Rawi dengan dibantu oleh Abdul Mutualib Azmi. Beralamat di 55, Leboh Aceh, Pulau Pinang, Malaysia. Manakala di dalam iklan langganan terdapat sedikit penambahan. Jika sebelum ini tidak dicetak harga kos langganan, namun pihak penerbitan telah meletakkan kos tambahan bagi belanja pos yang perlu dibayar oleh setiap pelanggan seperti di dalam jadual di bawah. Oleh itu, sekiranya ada di kalangan para pembaca yang terputus bekalan untuk mendapatkan bekalan di tempat masing-masing, mereka boleh berhubung terus dengan pembekal di Pulau Pinang. Jadi, pengkaji mengandaikan kos tambahan ini dikenakan bagi kos penghantaran kepada setiap pelanggan. Bagi enam keluaran, sebanyak 50 sen akan dikenakan sebagai kos tambahan untuk tujuan belanja pos, 12 keluaran dikenakan \$ 1.00, dan \$ 2.00 untuk 24 keluaran.

*Kepada peminat-peminat/pembaca al-Islah, kami berterima kasih di atas bantuan mereka membelinya yang bererti menjiwai hidupnya al-Islah, kiranya terputus kelak mereka mendapatkannya daripada wakil-wakil penjual di tempat masing-masing, sudilah berlangganan terus kepada kami.<sup>360</sup>*

---

<sup>360</sup> Sidang Pengarang (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Feb/ 1 Mac 1973 & 11/26 Muharram 1393, h. 2.

**Jadual 3.4**  
**Ruangan Majalah Al-Islah Jil. 4 Bil. 1& 2, Tahun 1973**

Tarikh	Kategori	Ruangan / Tajuk	Penulis
15 Feb/ 1 Mac 1973 11/26 Muharram 1393	Umum	Dari Meja Pengarang	Pengarang al-Islah
	Umum	Teropong Dari Ancheen Street : Wanita Ada Limit??, Gambar-Gambar Lucah	Tok Syeikh
	Dari Hati Ke Hati	Amal Dan Niat	Ibn al-Rawi
	Di Bawah Lindungan al-Quran	Tafsir Surah al-Fill	Syeikh Ustaz Syed Qutub
	Umum	Apa Kata Pemimpin Kita	En. M. Salih Suwaidi
	Sabda Nabi Muhammad s.a.w.	Amalan Yang Tinggi Kelebihannya	Abdul Rasyid Long
	Umum	Mencari Sesuatu	S. Ahmad
	Wanita Dan Dunianya	Zainab Puteri Ali bin Abi Thalib (siri 6)	Abu Asma' Rangkuti
	Agama	Mengutip Derma Waktu Khutbah Jumaat Adalah Terlarang Dari Segi Islam	Abdul Ghaffar Nur
	Umum	Kritik	Hasan Haji Syukri B.H.

*Sumber: Majalah al-Islah jil. 4, bil 1& 2, Tahun 1973*

Dan di atas ini dilampirkan sebuah jadual jil.4, bil.1 & 2 yang memaparkan beberapa ruangan tetap dan baru yang disusun oleh sidang *al-Islah*. Ruangan seperti Teropong Dari Acheen Street, Dari Meja Pengarang, Dari Hati Ke Hati, Dari Lindungan al-Quran, Sabda Nabi dan ruangan Wanita dan Dunianya masih setia menghiasi ruangan. Di dalam keluaran bil. 1 & 2 ini, terdapat beberapa rencana yang menarik untuk dikupas antaranya ialah ruangan Teropong Dari Acheen Street, di mana

Tok Syeikh mengupas sebuah rencana bertajuk “Wanita Ada Limit??”<sup>361</sup> yang menghadkan umur minimum anak dara untuk berkahwin. Tok Syeikh kurang setuju dengan isu yang didengarnya kerana mengapa kita tidak mengkaji sirah Nabi di mana Rasulullah s.a.w. pernah berkahwin dengan Siti Aisyah yang ketika itu baru berusia 6 tahun.

Selain itu, terdapat satu rencana yang menarik perhatian pengkaji. Rencana bertajuk “Mengutip Derma Waktu Khutbah Jumaat Adalah Terlarang Dari Segi Islam”<sup>362</sup> hasil kelolaan Abdul Ghaffar Nur. Di bawah tajuk ini, masyarakat dide dahkan dengan hukum Islam yang melarang sebarang aktiviti pengutipan derma ketika berlangsungnya khutbah Jumaat. Walaupun aktiviti menderma itu suatu amalan yang mulia, namun jika suasana dan konsep yang dilaksanakan tidak mengikut kehendak syariat, Islam tetap melarang perbuatan tersebut. Di sini pengkaji tidak mengulas lanjut tentang rencana ini, kerana akan dibincangkan di dalam bab seterusnya.

Di dalam bil. 1 & 2 ini juga didapati terdapat sedikit kesalahan di dalam ruangan “Dari Hati Ke Hati” kerana tersalah cetak pada ejaan nama surah daripada as-Syura kepada as-Syuara.

*“Terlebih dahulu sudi diperbetulkan salah cetak di akhir rencana “Dari Hati Ke Hati” bilangan yang sudah (bil.1 & 2). Yang bercetak ialah – al-Syura 109, sebetulnya adalah as Syuara.Maaf dan terima kasih”.*<sup>363</sup>

Antara rencana lain yang menarik untuk dikongsi berjudul “Enam Jam Di Kerachi”<sup>364</sup> Atok Nadra menulis di dalam rencananya membayangkan bagaimana

<sup>361</sup> Tok Syeikh (1973), “Wanita Ada Limit??”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Feb/ 1 Mac 1973 & 11/26 Muharram 1393, h. 3.

<sup>362</sup> Abdul Ghaffar Nur (1973), “Mengutip Derma Waktu Khutbah Jumaat Adalah Terlarang Dari Segi Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Feb/ 1 Mac 1973 & 11/26 Muharram 1393, h. 14 & 15.

<sup>363</sup> Sidang Pengarang (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil.4, 15 Mac/ 1 April 1973 & 9/26 Safar 1393, h. 2.

<sup>364</sup> Atok Nadra (1973), “Enam Jam Di Kerachi”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil. 4, 15 Mac/ 1 April 1973 & 9/26 Safar 1393, h. 10-13.

gelisahnya para jemaah haji yang terkandas selama enam jam di Kerachi. Pelbagai persoalan bermain di minda para jemaah yang gelisah tentang keselamatan dan keadaan mereka dalam urusan haji. Begitu juga di dalam rencana tulisan Tuan Haji Mohd Ghazali Hasan bertajuk “Insaf Akan Hari Depan”,<sup>365</sup> mengajak kita semua agar merenung ke hadapan yang mana kita pasti meninggalkan dunia berangkat ke alam akhirat. Maka di dalam rencana ini, penulis memberi bimbingan dan nasihat agar setiap manusia itu tidak melupakan dirinya yang suatu ketika pasti akan menghadap Rabbul Jalilnya.

Manakala saudara Bakhtiar Jamili yang tidak asing lagi kepada pembaca-pembaca di sekitar Nusantara, kali ini beliau baru sahaja kembali daripada melawat beberapa buah negeri. Sebagai seorang wartawan, setiap kali berziarah ke satu-satu tempat, beliau akan mencatatkan pengalaman atau apa-apa sahaja yang boleh mencetuskan ideanya untuk menulis. Dalam keluaran yang sudah (bil. 1 & 2), *al-Islah* telah menyatakan pendapatnya tentang “Latar Belakang Dan Pergolakan Komunis Di Beberapa Negara Asia”,<sup>366</sup> dan kali ini dimuatkan pula tulisannya berjudul “Bagaimana Mencegah Gerakan-Gerakan Ekstrem Kiri Di Kalangan Islam”.<sup>367</sup>

Seterusnya, di dalam bil.11, 12 & 13 ini pula, *al-Islah* telah terlewat diterbitkan. Akibat kelewatan tersebut, maka sidang pengarang mengambil keputusan untuk menggabungkan keluaran kali ini kepada tiga bilangan dengan jumlah halaman yang sama. *Al-Islah* tidak menyatakan dengan jelas mengapa terjadinya kelewatan tersebut. Cuma apa yang dapat diulas berdasarkan permohonan maaf dari pihak *al-Islah*, mungkin kekurangan rencana yang disumbangkan oleh peminat kepada *al-Islah*.

<sup>365</sup> Tuan Haji Mohd Ghazali Hasan (1973), “Insaf Akan Hari Depan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil. 4, 15 Mac/ 1 April 1973 & 9/26 Safar 1393, h. 16-18 & 23.

<sup>366</sup> Bakhtiar Jamili (1973), “Latar Belakang Dan Pergolakan Komunis Di Beberapa Negara Asia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Feb/ 1 Mac 1973 & 11/26 Muharram 1393, h. 22-23.

<sup>367</sup> Bakhtiar Jamili (1973), “Bagaimana Mencegah Gerakan-Gerakan Ekstrem Kiri Di Kalangan Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil. 4, 15 Mac/ 1 April 1973 & 9/26 Safar 1393, h. 24-26.

Pengkaji mengandaikan demikian kerana keluaran kali ini, terdapat beberapa ruangan yang tiada seperti ruangan Teropong Dari Acheen Street kerana Tok Syeikh bercuti, Lindungan Dari al-Quran dan ruangan Wanita dan Dunianya.

Kemungkinan ketiadaan ruangan-ruangan tetap itu, memperlihatkan kecacatan pada ruangan tersebut.Selain itu, andaian ini juga disimpulkan kerana jika dikaji dari bil.1 & 2 dan bil.3 & 4 masing-masing terdapat 13 ruangan yang dikeluarkan.Namun bagi bil.5 & 6 dan bil.7 & 8, terdapat hanya 12 ruangan sahaja yang diterbitkan.Walaupun bil.9 & 10 meningkat kembali kepada 13 ruangan, namun keluaran seterusnya bil.11, 12 & 13 dan bil. 14 & 15 mengalami penyusutan kepada 10 ruangan sahaja, iaitu ruangan Dari Meja Pengarang, Dari Hati Ke Hati, Sabda Nabi Muhammad s.a.w., Tauhid, Akidah, Arena Ekonomi, Tajdid dan Islah, Minbar Penyair dan dua ruangan kategori umum.

*“Harap maafkan kelewatan terbitnya al-Islah oleh beberapa sebab yang diluar dugaan.Al-Islah kali ini adalah merangkap bil. 11, 12 dan 13, jil. 4. (15 Jul, 1 Ogos dan 15 Ogos 1973) dan kini kita sedang berusaha untuk membolehkan ia terbit menurut yang sepatutnya. Maaf dan terima kasih”*<sup>368</sup>.

Dan di dalam bilangan terakhir yang dapat ditemui hanyalah keluaran jil. 4, bil.14 & 15.Keluaran yang seterusnya tidak dapat ditemui. Di dalam bilangan ini, dua buah rencana yang menarik untuk dikongsi bersama iaitu “Islam Hakikat Fitrah Manusia” dan “Islam Agama Yang Disalah Fahamkan: Apakah Ugama Kolot?”.Di dalam rencana “Islam Hakikat Fitrah Manusia” hasil seliaan Haji T. M. Osman al-Mahdi menyatakan bahawa setiap ulama dan para sarjana Islam seharusnya ketika mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran hendaklah mentafsirkannya dengan berhikmah dan mestilah bersifat ilmiah.

---

<sup>368</sup>Sidang Pengarang (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, 12 & 13, jil.4, 15 Julai/ 15 Ogos 197314 Jamadil Akhir – 2/16 Rejab 1393, h. 2.

Manakala rencana “Islam Agama Yang Disalahfahamkan: Apakah Ugama Kolot?”<sup>369</sup> pula, seliaan Muhamad Qutub alihbahasa oleh Yaakob Haji Abu Hasan membentangkan mengenai kemajuan yang disalahfahamkan oleh ahli-ahli Barat yang menyatakan bahawa agama telah menyerahkan dirinya kepada kemajuan sains. Sehingga di dalam tulisannya Muhamad Qutub mencatakan pendapat seorang penulis Inggeris, Somerset Mougham yang menyatakan di dalam tulisannya bahawa Barat dalam zaman sekarang telah menemui satu tuhan baru iaitu sains. Maka tuhan lama yang dianggap menghalang kemajuan dibuang dari pegangan mereka. Jadi untuk menyangkal kenyataan ini, penulis memberi pemahaman yang jelas tentang Islam dan sains adakah ia bertentangan atau seiringan.

---

<sup>369</sup>Mohamad Qutud (1973), “Islam Agama Yang Disalahfahamkan: Apakah Ugama Kolot?”, Yaakob Haji Abu Hasan (terj.), *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 14 & 15, jil.4, 1/15 September 1973 bersamaan 4/18 Syaaban 1393, h. 12.

**Jadual 3.5**  
**Ruangan Majalah Al-Islah Jil. 4 Bil. 14 & 15, Tahun 1973**

Tarikh	Kategori	Ruangan / Tajuk	Penulis
1/15 September 1973  4/18 Syaaban 1393	Umum	Dari Meja Pengarang	Pengarang al-Islah
	Umum	Teropong Daro Ancheen Street: Selemah-Lemah Iman, Gara-Gara Pertandingan	Tok Syeikh
	Dari Hati Ke Hati	Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkat	Ibn al-Rawi
	Di Bawah Lindungan al-Quran	Surah al-Fiil	Syeikh Ustaz Syed Qutub
	Agama	Alam Manusia Dalam al-Quran: Islam Hakikat Fitrah Manusia	Haji T. M. Osman al-Mahdi
	Agama	Islam Agama Yang Disalah Fahamkan: Apakah Ugama Kolot?	Muhammad Qutub alihbahasa Yaakob Haji Abu Hasan
	Umum	Angkatan Belia Islam	S. Ahmad
	Wanita Dan Dunianya	Zainab Puteri Ali Abi Talib	Ibu Asma' Rangkuti
	Jihad /Tajdid	Di Antara Jihad Dan Perang Dalam Islam Dan Agama-Agama Lain (siri 2)	Hasan Haji Syukri
	Minbar Penyair	Sajak : al-Islah, Keagungan	Mahmud Husin, S. Ahmad

*Sumber: Majalah al-Islah jil. 4, bil 14 & 15, Tahun 1973*

Dan di bawah ini pula, pengkaji lampirkan jadual kekerapan bagi jil.4 dari bil.1 & 2 hingga bil.14 & 15 bagi memudahkan kita untuk melihat kekerapan ruangan yang diterbitkan oleh *al-Islah*. Berdasarkan jadual di bawah ini, sepanjang Februari hingga September 1973, terdapat beberapa ruangan tidak lagi diwujudkan seperti ruangan Dari Perbendaharaan Islam/Perpustakaan Kita, Tokoh Islam/Tokoh Islah/ Ensiklopedia al-Islah, Dari Lembaran Sejarah/Detik Dan Peristiwa, Seni Dan Sastera, Majlis Dakwah al-Islamiah, Bentuk Program al-Quran/ Hidangan Dari al-Quran/Kisah al-Quran, Sosial dan Pendidikan/ Sexual Education/ Kursus Pengajian Islam.

## 6. Komentar Kepada *al-Islah*

Tokoh-tokoh politik, ahli peniagaan dan para sasterawan tanah air telah mengalu-alukan kelahiran *al-Islah*. Antara tokoh-tokoh politik yang telah memberikan ucapan tahniah dan kata-kata aluan ialah seperti:

*“Saya mengharapkan al-Islah dapat memainkan peranannya sesuai dengan namanya al-Islah yang membawa erti perdamaian. Di samping itu, diharap al-Islah juga dapat mempertahankan perasaan muhibbah yang telah sedia ada di kalangan rakyat negeri ini. Selain daripada itu, al-Islah juga diharap dapat mempertahankan dasar bebas yang menjadi haluan cita-citanya diterbitkan”.*<sup>370</sup>

(Datuk Syed Ahmad Syihabuddin, Menteri Besar Kedah)

Menteri Besar Perlis, Tan Sri Syeikh Ahmad bin Muhammad Hashim, dalam kata-kata aluannya juga berharap agar *al-Islah* dapat memainkan peranan pentingnya yang ikhlas untuk menerangkan kebaikan dan ketinggian ugama yang maha suci. *“Saya berharap al-Islah tidak akan berat sebelah ke mana-mana pihak”*.<sup>371</sup> Encik Husin Abdul Rahman, salah seorang anggota dalam Dewan Undangan Negeri Perlis turut memberi harapan kepada *“al-Islah agar menjadi tengahbulanan yang bebas, menerima dan menyuarakan fikiran-fikiran yang bebas, tidak diganggu oleh sesiapa pun”*.<sup>372</sup>

Begitu juga Usman Abdullah Perlis, anggota Dewan Rakyat Perikatan kawasan Perlis Utara turut menyuarakan hasratnya terhadap *al-Islah*:

*“...berharap al-Islah akan menjadi bacaan umum sesuai dengan kehendak zaman yang memerlukan lebih pesat, perpaduan yang lebih kukuh dan kesedaran yang lebih mendalam terhadap keselamatan negara”*.<sup>373</sup>

<sup>370</sup> Ibrahim Bitu (1970), “Kelahiran Tengahbulanan al-Islah Dialu-alukan: Semoga al-Islah Menjadi Pendamai Yang Adil”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970 bersamaan 23 Zulhijjah 1389, h. 13.

<sup>371</sup>*Ibid.*

<sup>372</sup>*Ibid.*

<sup>373</sup>*Ibid.*

Mustafa Ismail, Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Kedah pun turut mengalu-alukan kelahiran *al-Islah* ini. Beliau menyatakan rasa “*gembira kerana tengahbulanan ini diusahakan oleh orang Melayu*”.<sup>374</sup> Ini kerana menurut beliau, Dewan Perniagaan Melayu sentiasa akan memberi dorongan dan galakkan apa sahaja jenis perniagaan yang diusahakan oleh kaum Melayu. Di samping mengharapkan “*al-Islah ini akan menjadi tengahbulanan yang adil dan saksama*”.<sup>375</sup>

Selain itu, terdapat juga respon positif daripada para pembaca. Antaranya dari Sadik bin Abdullah dari Sekolah Menengah Rendah, Kuala Krai, Kelantan memberikan pendapat bahawa “*kehadiran al-Islah ini benar-benar bersifat islah, padat, bernas dan amat menarik minat saya*”.<sup>376</sup> Seorang dari pembaca, Muhammad Nur Haji Salleh dari Jalan Muhammad Amin, Johor Bahru dengan penuh yakin menyatakan bahawa “*tengahbulanan al-Islah akan berguna kepada muda mudi dalam usaha membentuk keperibadian bangsa dan agama berasaskan ilmu pengetahuan moden*”.<sup>377</sup> Beliau turut mengharapkan “*agar orang Melayu umumnya dapat membuang fikiran-fikiran lama yang menghalangi pembangunan dan kemajuan masyarakat*”.<sup>378</sup> Imam Masjid Negara Kuala Lumpur, Tuan Guru Haji Fathullah Harun telah memberikan komentarnya mengenai kehadiran *Islah* ini. Menurutnya mudah-mudahan *al-Islah* akan membawa islah dalam erti kata yang sepenuhnya kepada masyarakat Islam di negara kita sekarang ini. Ini kerana menurutnya “*masyarakat Islam negara kita, pada umumnya sedang tenggelam dalam lautan (fasad) yang melakukan kerja-kerja di bawah bimbingan syaitan, sehingga terkeluar dari batas-batas syariat Islamiah*”.<sup>379</sup>

---

<sup>374</sup>Ibid.

<sup>375</sup>Ibid.

<sup>376</sup>Yusof Rawa (1970), “Anda Dan al-Islah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970 bersamaan 26 Rabiul Awal 1390, h. 19.

<sup>377</sup>Ibid.

<sup>378</sup>Ibid.

<sup>379</sup>Pengarang al-Islah (1970), “Anda Dan al-Islah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 17.

Seorang lagi pembaca, iaitu Tuan Haji Ahmad Maliki, Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama, Pulau Pinang dan Seberang Prai di dalam suratnya telah mendoakan “agar al-Islah bertambah maju dan dapat berdiri di tengah-tengah masyarakat sebagai satu penyuluhan umat ke arah al-Islah pada serba serbinya”.<sup>380</sup> Begitu juga Usman Awang dari Pengasuh menyatakan kepada al-Islah rasa kegembiraannya dengan kemunculan majalah ini dapat membendung krisis moral dan fikiran manusia.

“Dalam zaman yang penuh dengan krisis moral dan fikiran manusia begitu jelas melihat sains dan kemajuan-kemajuan teknologi, di samping membuat bermacam-macam hingga melupai soal-soal moral dan akhlak, maka lahirnya al-Islah untuk mengislahkan masyarakat sekarang yang bagi setengah orang mengatakan sangat buruk”.<sup>381</sup>

Tahun dari tahun al-Islah tidak sunyi dari surat-surat peminat yang menyokong penuh kelahiran tengahbulanan al-Islah ini. Muhammad Nur Haji Saleh berasal dari Johor Bahru, menyatakan rasa gembira dengan kehadiran al-Islah.

“Begitu yakin bahawa tengahbulanan al-Islah akan berguna kepada muda mudi dalam usaha membentuk keperibadian bangsa dan agama berdasarkan ilmu pengetahuan moden...orang Melayu juga diharapkan dapat membuang fikiran-fikiran lama yang menghalangi pembangunan dan kemajuan masyarakat”.<sup>382</sup>

Dan apa yang menjadi keistimewaan kepada majalah al-Islah ini berbeza dengan makalah yang lain adalah kerana setiap artikel yang tersiar di dalam majalah ini tidak menerima sebarang bayaran. Ini kerana penerbit majalah ini berpegang kepada prinsip “setiap ibadah yang kita lakukan, setiap derma bakti yang kita curahkan, bukanlah untuk mencari nama, mencari pangkat, mencari bintang di sisi makhluk manusia, tetapi ialah kerana Allah dan untuk Allah semata-mata”.<sup>383</sup> Keadaan ini sendiri diakui sendiri oleh anak bongsu beliau, Dr. Mujahid Yusof Rawa di dalam

<sup>380</sup>Ibid.

<sup>381</sup>Pengarang al-Islah (1970), “Anda Dan al-Islah”, Majalah al-Islah, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muharram 1390, h. 18.

<sup>382</sup>Pengarang al-Islah (1970), “Anda Dan al-Islah”, Majalah al-Islah, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970 bersamaan 26 Rabiul Awal 1390, h. 19.

<sup>383</sup>Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390!”, Majalah al-Islah, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 4.

bukunya, *Permata Dari Pulau Mutiara. Dari Meja Pengarang* sendiri menyatakan di dalam slot penghargaan menyatakan jutaan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan oleh para penulis dan pembaca terhadap *al-Islah*.

*“...bahawa kami sungguh-sungguh terhutang budi kepada penulis-penulis Islam yang berihsan telah/akan memenuhi ruangan-ruangan al-Islah. Berterus terang kami nyatakan, belum ada kami memberikan sagu hati kepada mereka itu. Dan bukanlah bererti tidak menghargai jasa-jasa baik mereka, akan tetapi sungguhpun besar hasrat hati hendak berbuat demikian, apakan daya al-Islah yang kesulitan ini. Kepada Allah Yang Maha Pemurah, kami pohonkan membala ihsan mereka dengan kebijakan yang berlipat kali ganda”.*<sup>384</sup>

## 7. Kesimpulan

Perkembangan majalah di Tanah Melayu seringkali mengalami pasang surut di dalam ekonomi penerbitan. Kebanyakan akhbar dan majalah yang diterbitkan pada dekad pertama hingga dekad ketujuh lebih bersifat memberi tunjuk ajar berbanding dekad selepasnya termasuk di hujung dekad ketujuh, aktiviti penerbitan lebih bersifat komersil. Bahan-bahan berbentuk santai, ringan dan menghiburkan lebih menjadi keutamaan berbanding bahan-bahan bacaan yang agak berat di samping mengalami persaingan dari akhbar-akhbar berbentuk tabloid dan kecanggihan teknologi dalam menghasilkan kertas bermutu tinggi dengan gambar yang berwarna-warni menjadi daya penarik pembaca untuk mendekatinya.

Sungguhpun begitu, walaupun terdapat saingen dari akhbar dan majalah berbentuk hiburan, itu tidak bermakna bahawa akhbar dan majalah berbentuk agama-islah sudah terkubur. Dengan kerancakan dunia islah di Tanah Melayu, bidang persuratan Islam juga turut menyumbang kepada aktiviti penerbitan. Beberapa buah majalah berbentuk agama dan islah turut dipasarkan atas kesedaran untuk memberi

---

<sup>384</sup> (1973), “Dari Meja Pengarang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Februari/ 1 Mac 1973 bersamaan 11/26 Muharram 1393, h. 2.

bimbingan, panduan dan pendedahan kepada masyarakat yang ketika itu terdedah kepada *shock culture* budaya Barat.

Dengan ini *Majalah al-Islah* menjadi medium penting pada tahun 70-an dengan kebangkitan semula Islam. Ini kerana majalah ini dilihat mampu memberi pertimbangan dan ketegasan kepada pembacanya agar sentiasa terkehadapan serta sedar bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum jika ia tidak mengubahnya sendiri. Ini selaras dengan moto yang digunakan oleh *al-Islah* bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas umat Islam di samping “*mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air*”, di samping menyeru dan berdakwah ke arah amar makruf nahi munkar dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan.